

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALANNO. 9
HINGGA 70)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

**YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG (SIBUTI)**

TARIKH

3 APRIL 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan adakah terdapat perancangan untuk menurap Jalan Kuala Lajong sepanjang 15 kilometer bagi meningkatkan aktiviti ekonomi terutama pertanian dan perikanan selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini telah komited dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan di bawah "second rolling plan" RMKe-10.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menyenaraikan projek jalan Kuala Lajong sepanjang 15 kilometer, di bawah "third rolling plan" RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada 2013-2015.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJIAB AZIZ BIN AB KADIR

[KETEREH]

TARIKH : 3 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] mintaMENTERI

SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

menyatakanmengapausahadanlangkah-

langkahbagimengatasimasalahbanjir di

sekitarKokLanasdanKedaiMelor, Parlimen

Keterehmasihbelumdilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian prihatin akan masalah banjir di sekitar Kok Lanas dan Kedai Melor dan sentiasa berusaha untuk mengatasinya tertakluk kepada peruntukan yang

diluluskan.

Banjir yang berlaku di sekitar Kok Lanas dan Kedai Melor adalah berpunca daripada sistem perparitan yang tidak sempurna dan tidak berupaya menampung limpahan air dari sistem perparitan tersebut. Isu ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedia membantu pihak PBT untuk mengatasi masalah banjir secara bersepadu. Dalam hubungan ini, pihak JPS sedia menjalankan kajian secara menyeluruh jika peruntukan sewajarnya diluluskan. Kajian ini boleh dijadikan panduan bagi perancangan pembangunan kawasan Kok Lanas dan Kedai Melor supaya kejadian banjir dapat dielakkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 11
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **YB TUAN HAJI MATULIDI**
 BIN HAJI JUSOH
 (DUNGUN)

TARIKH **03.04.2012**
 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan permohonan sukarela daripada ibu bapa pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mahu anak mereka mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi siri 9/2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) mendapati bahawa minat terhadap Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) semakin meningkat di kalangan remaja dan ibu bapa yang melihat PLKN sebagai satu peluang untuk para remaja membina disiplin dan jati diri di samping memupuk semangat setiakawan dan perpaduan dalam usaha melahirkan generasi muda yang berpatriotik dan cintakan Negara.

Namun demikian, perlu dijelaskan bahawa berdasarkan keputusan Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) yang bersidang pada 27 Februari 2004, hanya remaja yang berminat untuk mengikuti Latihan Khidmat Negara sahaja yang boleh memohon untuk mengikuti latihan secara sukarela dan bukannya orang lain

termasuk ibubapa mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keyakinan tinggi para ibubapa terhadap program ini, mereka sentiasa memberikan galakan kepada anak-anak mereka supaya mengikuti program ini berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Kumpulan Satu Siri 9/2012, permohonan daripada pelatih sukarela dari seluruh negara yang diterima oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara adalah berjumlah sebanyak 1,640 permohonan. Walau bagaimanapun disebabkan oleh bilangan tempat yang terhad, penglibatan pelatih sukarela adalah tertakluk kepada kekosongan di dalam kem PLKN yang mungkin wujud sekiranya pelatih terpilih tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang kukuh.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH: 3 APRIL 2012

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rasionalnya Ketua Pengarah Jabatan Kesatuan Sekerja (DGTU), Kementerian Sumber Manusia membenarkan pendaftaran sebuah lagi kesatuan pekerja MAYBANK (MAYNEU) sedangkan kesatuan yang sah ialah NUBE. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan pemberian ganjaran (gaji dan bonus) pekerja sokongan dan perkeranian di dalam syarikat GLC seperti Maybank lebih adil dan saksama.

PR-1251-L48195

JAWAPAN:

SOALAN NO: 12
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kesatuan Pekerja-Pekerja Bukan Eksekutif Maybank Berhad (MAYNEU) telah didaftarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (DGTU) pada 3.1.2011 setelah berpuashati dan mendapati permohonan tersebut lengkap dan teratur.

2. MAYNEU telah didaftarkan sebagai sebuah kesatuan sekerja dalaman (in-house union/establishment) berbeza dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) yang merupakan sebuah kesatuan sekerja yang berasaskan industri (kesatuan sekerja kebangsaan). Oleh yang demikian skop keanggotaan MAYNEU dan NUBE adalah berbeza di antara satu sama lain.

3. Penubuhan MAYNEU adalah khusus untuk pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank Berhad. Pekerja-pekerja Maybank telah memohon untuk mendaftarkan sebuah kesatuan dalaman (*in-house*) kerana yakin dapat memperjuangkan hak-hak mereka di Maybank Berhad dengan lebih efektif dan mendakwa tanggungjawab tersebut telah gagal dilaksanakan oleh NUBE. Sebilangan pekerja-pekerja Maybank Berhad telah dipecat keahlian mereka oleh NUBE atas alasan mempertikaikan kepimpinan NUBE. Oleh itu hak-hak mereka untuk bersuara sebagai ahli telah dinafikan oleh NUBE.

4. Berdasarkan prestasi Maybank Berhad yang memperoleh keuntungan tertinggi di antara tiga bank terbesar di Malaysia, MAYNEU yakin akan memperoleh faedah-faedah yang lebih bermanfaat kepada ahli-ahlinya berbanding NUBE.

5. DGTU menggunakan kuasa budi bicara di bawah seksyen 12 (2) Akta Kesatuan Sekerja 1959, membuat pertimbangan memutuskan adalah menjadi suatu kepentingan kepada pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank Berhad untuk mewujudkan

sebuah kesatuan sekerja bagi mewakili mereka dan memperjuangkan hak- hak mereka sendiri di Maybank Berhad.

6. Pendaftaran MAYNEU juga dilihat selaras dengan fasal 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan dan ILO Convention No.98 Article 2.(1)T/7e *Right to Organize and Collective Bargaining*.

7. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) telah memfailkan kes rayuan ke Mahkamah Tinggi mengikut peruntukan seksyen 71A Akta Kesatuan Sekerja 1959 pada 8.2.2011, membantah pendaftaran Kesatuan Pekerja-pekerja Bukan Eksekutif Maybank Berhad (MAYNEU) dan Mahkamah Tinggi pada 24.8.2011 telah menolak permohonan NUBE. NUBE kemudian telah mengemukakan kes ke Mahkamah Rayuan pada 25.8.2011 dan kes tersebut sekali lagi telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan 21.1.2012. NUBE selanjutnya telah memfailkan rayuan ke atas keputusan tersebut di Mahkamah Persekutuan yang mana akan diputuskan untuk didengar pada 19.4.2012.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Bagi memastikan pihak pekerja mendapat gaji dan bonus yang lebih adil dan saksama, pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan kerjasama *Malaysia Productivity Corporation* telah mengadakan pelbagai promosi bagi menggalakkan pihak majikan melaksanakan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (PLWS). Melalui sistem ini, pekerja yang menunjukkan prestasi yang tinggi akan mendapat ganjaran

yang seiring dengan peningkatan produktiviti yang dihasilkan. Pihak majikan pula akan mendapat pulangan atas keuntungan yang lebih

tinggi melalui peningkatan dalam produktiviti pekerja. Melalui PLWS ini juga, pihak majikan akan berkongsi keuntungan yang diperolehi dengan para pekerja. Secara tidak langsung melalui sistem upah ini, ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan pendapatan pekerja di sektor swasta malah ia juga menjamin pengagihan pendapatan secara adil dan saksama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HIING
[SARIKEI]
TARIKH 03 APRIL 2012
SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan menaik taraf Klinik Kesihatan di Bintangor yang semakin sesak saban hari. Nyatakan juga rancangan penambahan dari segi perjawatan.

Tuan Yang di-Pertua

Klinik Kesihatan Bintangor merupakan Klinik Kesihatan Tahap 4 yang mempunyai kapasiti pesakit antara 150-180 orang sehari. Ia dianggotai oleh seorang Pegawai Perubatan dan 6 orang Penolong Pegawai

Perubatan. Secara puratanya, bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Bintangor adalah dianggarkan seramai 150 orang sehari. Sehingga kini, pengisian bagi jawatan di klinik kesihatan berkenaan adalah sebanyak 84 % daripada jumlah perjawatan.

Klinik Kesihatan Bintangor menyediakan perkhidmatan rawatan untuk pesakit luar, perkhidmatan rawatan ibu dan anak, farmasi, x-ray, makmal dan pergigian.

Dari kajian yang dibuat, tempoh menunggu bagi seorang pesakit adalah selama 10 hingga 15 minit dan kesesakan berlaku di klinik ini pada waktu pagi pada hari-hari tertentu sahaja. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini dengan melaksanakan sistem temujanji untuk pesakit kronik seperti hipertensi dan diabetes, di mana mereka akan diberi temujanji mengikut tarikh dan waktu yang sesuai bagi mengelakkan waktu dan hari yang dikenalpasti mengalami kesesakan. Bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rujukan kepakaran, mereka akan dirujuk ke Hospital Sarikei yang terletak kira-kira 45 minit melalui jalan darat. Langkah ini diambil bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang terbaik bersesuaian dengan penyakit yang dihidapi.

Tuan Yang di-Pertua

Dalam usaha Kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan di pedalaman, keperluan menaiktaraf fasiliti, penambahan jenis perkhidmatan serta bilangan pegawai perubatan sentiasa diberikan perhatian. Namun memandangkan liputannya yang amat luas maka projek-projek bagi naiktaraf serta pembinaan fasiliti baru akan dilaksanakan secara berperingkat bersesuaian dengan peruntukkan yang diluluskan. Sekiranya terdapat keperluan yang amat mendesak Kementerian Kesihatan mempunyai opsiyen melaksanakan projek-projek naiktaraf menggunakan peruntukan khas naiktaraf projek-projek yang skopnya lebih kecil. Ini adalah bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

Rancangan masa depan untuk penambahbaikan di Klinik Kesihatan Bintagor adalah seperti berikut:

- i. Ruang meletak kereta perlu ditambah menggunakan kawasan lapang di kawasan kuarters; dan
- ii. Sekiranya jumlah pesakit meningkat di masa akan datang (tidak perlu buat masa ini), sebuah klinik baru mungkin diperlukan kerana:
 - a) tiada lagi ruang untuk penambahan bangunan; dan
 - b) ruang meletak kereta tidak mencukupi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

Y.B.TUAN SIVARASA A/L K.

**LI RASIAH (SUBANG)
SAN**

PERTANYAAN

TARIKH

03.04.2012

Y.B.TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] mmta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kegunaan 1.5 bilion ringgit wang KWSP untuk pemberian pinjaman perumahan di Kuala Lumpur adalah selaras dengan matlamat dan undang tubuh KWSP dan kenapa wakil pekerja di Lembaga KWSP tidak ada pengetahuan mengenai keputusan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Subang bersama dengan soalan Yang Berhormat Gombak pada 5.4.2012 dan 11.4.2012 serta Yang Berhormat Alor Gajah pada 9.4.2012 kerana pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemudahan pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) iaitu syarikat SPV dimiliki oleh Yayasan Wilayah Persekutuan ialah RM1.5 bilion. Walau bagaimanapun, hanya RM300 juta diluluskan oleh KWSP bagi pengeluaran pertama. Pengeluaran seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi syarikat SPV tersebut.

2. Mengikut Akta KWSP 1991 Seksyen 26, KWSP dibenarkan untuk melabur dalam hutang dan pinjaman termasuklah kepada sektor Kerajaan. Semua pinjaman yang diberikan oleh KWSP dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dan sentiasa mengutamakan perlindungan simpanan ahli. Semua cadangan pelaburan dikemukakan kepada Panel Pelaburan untuk pertimbangan dan keputusan. Bagi pinjaman kepada syarikat, Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa kelulusan Menteri Kewangan diperlukan.

3. Kemudahan pinjaman kepada SPWP ini dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dengan jaminan atau sekuriti yang bersesuaian untuk melindungi kepentingan ahli. Jaminan atau sekuriti kemudahan pembiayaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua unit rumah akan dicaj atau diuntukkan oleh SPWP kepada KWSP, dengan perlindungan jaminan sekurang-kurangnya dua kali ganda amaun pinjaman;
- (ii) Penahanan tunai sebanyak 25% daripada pembayaran pinjaman KWSP kepada SPWP yang akan disimpan dalam akaun rizab kecairan yang diuntukkan kepada KWSP bersama-sama dengan semua peruntukan aliran tunai;
- (iii) SPWP melantik institusi kewangan yang bersesuaian untuk menguruskan pentadbiran pinjaman skim ini bagi memastikan akaun individu diuruskan dengan baik; dan
- (iv) Akujanji daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli balik rumah-rumah berkenaan bagi mendapatkan aliran tunai yang diperlukan untuk pembayaran balik pinjaman jika peserta tidak membayar pinjaman.

4. Sebagai rumusan, cadangan pelaburan KWSP dipertimbangkan dengan secara objektif dan profesional dan melalui proses kajian penilaian menyeluruh termasuk risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi supaya KWSP tidak

mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

(GUA MUSANG)

TARIKH 3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di Sabah dan sila nyatakan rancangan dan program yang telah dan sedang dilaksanakan selain daripada apa yang dirancang untuk masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap keperluan golongan miskin dan mereka yang memeriukan. Dalam hal ini, sebanyak RM1.352 bilion telah dibelanjakan bagi menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan tersebut pada tahun 2011. Bagi negeri Sabah pula, peruntukan kewangan sebanyak RM244.7 juta telah disalurkan bagi manfaat 77,208 orang penerima.

Selain itu, Kementerian telah menggunakan pendekatan kebajikan produktif atau dengan izin, *'productive welfare'* bagi membantu penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan supaya dapat hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kerajaan selama- lamanya.

Perkara ini direalisasikan menerusi program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), yang diterajui oleh KPWKM.

Program 1AZAM adalah satu program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan

kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu:

- a) AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- b) AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia; serta
- c) AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM 196.9 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi menjalankan program 1AZAM di Sabah pada 2010 sehingga 2012. Sasaran yang ditetapkan adalah seramai 19,500 orang peserta. Sehingga 5 Mac 2012, sukacita saya nyatakan sejumlah 15,461 orang peserta di negeri Sabah telah menyertai program 1AZAM Sabah. Kerajaan Negeri Sabah akan menjalankan program-program AZAM yang bersesuaian untuk setiap peserta dan menjalankan pemantauan bagi memastikan pengekalan projek seterusnya mencapai matlamat meningkatkan pendapatan seisi rumah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

DARIPADA 3 APRIL 2012

4510

TARIKH

RUJUKAN SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) a
dakah Kerajaan bercadang mengambil anggota RELA dari kalangan bekas-bekas tentera dan polis sahaja kerana mereka ini lebih terlatih dan berdisiplin; dan

(b) a
dakah Kerajaan bercadang menambahkan imbuhan- imbuhan tambahan kepada anggota RELA agar mendapat perlindungan yang setimpal dengan tugas yang mereka laksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan dua (2) pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pengambilan anggota RELA adalah tertakluk kepada falsafah RELA bahawa tanggungjawab mempertahankan kedaulatan Negara terletak di tangan rakyat sendiri. Ini bermakna setiap rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan sihat tubuh badan serta tidak terlibat dengan rekod jenayah layak untuk memohon menjadi anggota RELA tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. RELA membuka peluang kepada rakyat untuk tampil bersama kerajaan menyumbang ke arah memelihara keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan tidak mengkhususkan bekas tentera dan polis menyertai RELA, namun kerajaan sentiasa mengalu-alukan penyertaan mereka. Kerajaan lebih memberi galakan dan tumpuan kepada penyertaan golongan remaja supaya kita dapat menerapkan dan menyemarakkan semangat kesukarelawan di samping menghindarkan mereka dari gejala-gejala yang tidak sihat.

Pada 28 Januari 2012, sempena Sambutan Perdana Hari RELA ke-40 tahun di MAEPS, Serdang, YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan kenaikan elaun RELA sebanyak RM 2.00 sejam, menjadikan kadar baru elaun bertugas RM 6.00 sejam untuk ahli biasa dan RM 7.80 sejam untuk pegawai berjawatan Ketua Platun RELA (KPR) dan Ketua Perhubungan RELA Mukim (KPRM).

Kerajaan juga telah menyediakan skim perlindungan Insuran Berkelompok Kemalangan Diri secara percuma kepada semua anggota RELA. Bayaran RM 20,000.00 atas kehilangan nyawa, RM 2,000.00 untuk khairat kematian dan imbuhan yang berbeza atas kecederaan yang dialami. Bagi anggota-anggota RELA yang meninggal dunia sewaktu menjalankan tugas pula, pewarisnya dibayar imbuhan sebanyak RM 42,000.00

NO. SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [
 PADANG BESAR]**

TARIKH 3 APRIL 2012

RUJUKAN 4511

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap kejayaan operasi pemutihan pekerja-pekerja asing tanpa izin (PATI), yang dimulakan pada akhir 2011, dan apakah sebabnya program 6P terpaksa ditunda tiga kali, tarikh terakhirnya pada 10 April 2012.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya merupakan fasa penting dalam Program Penyelesaian Menyeluruh Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Sehingga 29 Februari 2012, seramai 300,602 PATI telah diputihkan dan jumlah ini melibatkan sebanyak 35,735 majikan. Proses Pemutihan ini telah mula dilaksanakan pada 10 Oktober 2011 dan sepatutnya berakhir pada 10 Januari 2012.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh proses Pemutihan sehingga 10 April 2012 secara pentadbiran. Antara sebab-sebab penangguhan tarikh akhir pemutihan adalah seperti berikut:

- i) Masih terdapat rayuan dari pihak majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Program Pemutihan; dan
- ii) Memberi ruang dan tempoh masa kepada pihak majikan dan PATI untuk menguruskan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam urusan pemutihan seperti pasport, dokumen perjalanan,

dokumen perniagaan serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

SOALAN18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN Y.B. TUAN AMRAN BIN AB. GHANI
[TANAH MERAH]

DARIPADA

3 APRIL 2012

TARIKH **Meminta MENTERI PELANCONGAN**
menyatakan:

SOALAN

- (a) secara terperinci tempat-tempat di Kelantan yang telah diwartakan sebagai pusat pelancongan dan warisan sejarah; dan

- (b) apakah Kerajaan akan memajukan Tasik Empangan Pergau dan Jambatan Keretapi Guillermaid di Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, Kementerian Pelancongan tidak mempunyai kuasa untukewartakan sebarang kawasan sebagai pusat pusat pelancongan, tetapi mempromosikan semua kawasan pelancongan yang berpontensi termasuk mengenal pasti ikon-ikon pelancongan di setiap negeri.

Bagi kawasan warisan sejarah pula, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) mempunyai kuasa untukewartakan sesuatu kawasan sebagai warisan sejarah.

Berdasarkan maklumat daripada KPKK, pengiktirafan sebagai Warisan dan Warisan Kebangsaan adalah meliputi tapak bangunan, tapak arkeologi, tapak semula jadi serta objek ketara dan tidak ketara. DiKelantan, kawasan yang telah diwartakan sebagai Warisan yangditetapkan oleh Pesuruhjaya Warisan adalah:

1. Bangunan Bank Kerapu;
2. Bangunan Muzium Negeri;
3. Bekas Stesen Keretapi Tanah Melayu;

4. Istana Jahar;
5. Jambatan Sultan Ismail;
6. Taman Negara Semenanjung
Malaysia (Kuala Koh, Relai, Gua
Musang); dan
7. Tapak Kawasan Perahu Tinggalan Bunga Emas

Dalam usaha mempromosikan Kelantan secara meluas di dalam dan luar negara, Kementerian ini telah mengenal pasti 10 ikon iaitu:

- i) Pasar Siti Khadijah;
 - ii) Zon Pelancongan Kota Bharu;
 - iii) Taman Negara Kuala Koh;
 - iv) Gunung Stong;
 - v) Homestay dan Keretapi;
 - vi) Wat Photivihan;
 - vii) Gua Ikan, Gua Batu Susun dan Gua Keris;
 - viii) Pantai Irama, Bachok;
 - ix) Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang dan Pangkalan
Kubor; dan
 - x) Pasar Malam Wakaf Che Yeh.
- b) Kementerian Pelancongan tiada halangan untuk memajukan sesuatu kawasan yang berpotensi untuk menjadi satu tarikan pelancongan. Walaupun begitu

destinasi yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri perlulah mempunyai keunikan tersendiri, di samping mempunyai kemudahan asas dan sistem perhubungan yang baik bagi memudahkan pelancong untuk sampai ke sana.

Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, di bawah Rancangan Malaysia ke-9, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak **RM2.9 juta** bagi peningkatan kemudahan pelancongan di Tasik Pergau, Jeli, Kelantan. Di antara komponen projek tersebut termasuklah laluan pejalan kaki, tandas awam, surau dan landskap.

Setakat ini, Kementerian Pelancongan masih tidak menerima cadangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan bagi memajukan Jambatan Keretapi Guillermand. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia memberi pertimbangan sewajarnya kepada sebarang permohonan untuk memajukan Jambatan Keretapi tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN

DARIPADA

RAFIQUE 3 APRIL 2012 (SELASA)

TARIKH

NO. 19

SOALAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]

minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan politeknik metro di kawasan-kawasan bandar dan kota memandangkan jumlah permintaan yang semakin meningkat; dan
- (b) sama ada Kementerian berhasrat untuk menawarkan kursus-kursus tertentu kepada warga di kawasan perumahan awam dan rakyat bagi membantu meningkatkan keboleh upayaan pendapatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun 2011 menyaksikan kelahiran Politeknik METrO yang memberi indikator baru 42 tahun kemajuan institusi politeknik di negara ini. Istilah METrO bersandarkan akronim *Maximizing Education and Training Opportunities*.
Matlamat penubuhan Politeknik

METrO adalah seiring dengan agenda transformasi Negara iaitu melonjak daya saing dalam menjana modal insan yang serba boleh, dinamik dan cemerlang selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan objektif Hala Tuju Transformasi Politeknik. Institusi politeknik bergerak secara responsif dan sejajar kepada keperluan industri dan perkembangan semasa.

Politeknik METrO menyediakan program pengajian sepenuh masa dan program secara sambilan dalam bidang perdagangan dan perkhidmatan. Ini merupakan suatu usaha ke arah memperluas kapasiti bagi pendidikan dan latihan berterusan, justeru memberi impak positif kepada masyarakat setempat dan negara. Politeknik METrO juga dijadikan sebuah institusi *transition* yang menyediakan keperluan pendidikan lepasan menengah sebelum memasuki pasaran kerja atau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Sehingga Mac 2012, terdapat tiga buah Politeknik METrO yang telah beroperasi iaitu Politeknik METrO Johor Baru, Politeknik METrO Kuantan dan Politeknik METrO Kuala Lumpur. Program pengajian yang ditawarkan adalah Diploma In Retail Management; Diploma in Hotel & Catering Management; Diploma in Foodservice (Halal Practice); Diploma in Tourism & Hospitality; Diploma in Islamic Banking & Finance; dan Diploma in Logistic & Supply Chain Management.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua (2) buah lagi Politeknik METrO telah dirancang penubuhannya dalam RMKe-10 ialah di Betong, Sarawak dan Tasek Gelugor Seberang Perai, Pulau Pinang. Kerajaan akan menambah bilangan Politeknik METrO berdasarkan keperluan strategik

pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan semasa Kerajaan.

Bagi memastikan program yang ditawarkan mempunyai nilai pasaran, Kementerian telah merancang untuk menawarkan program-program pengajian bersesuaian selari dengan *National Key Economic Areas* (NKEA) seperti *Diploma in Hair Design, Diploma in Aesthetics, Diploma in Fashion Design, Diploma in Jewellery Design* dan *Diploma in Event Management*. Penawaran program pengajian akan ditambah dan disesuaikan dengan keadaan semasa bagi memastikan graduan yang dilahirkan berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran.

NO.

SOALAN:20 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) kriteria-kriteria yang melayakkan Syarikat Europlus Bhd. melaksanakan Projek Lebuh Raya Banting-Taiping dan apakah ianya diuruskan melalui tender terbuka; dan
- (b) apakah rasional penganugerahan pinjaman mudah sebanyak RM2.24 bilion kepada Europlus dan kadar faedah serta jangka masa pembayaran.

JAWAPAN

(a) Konsesi penswastaan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting ditawarkan kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Konsortium LPB Sdn. Bhd.) iaitu syarikat yang sama yang telah menandatangani perjanjian konsesi penswastaan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting dengan pihak Kerajaan pada 25 Mei 2007. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi peluang kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. kerana mengambil kira usaha-usaha dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak syarikat berhubung pelaksanaan projek ini sebelum ini

Berhubung tawaran pelaksanaan projek secara tender terbuka, Kerajaan akan mensyaratkan dalam perjanjian konsesi bahawa syarikat konsesi perlu melaksanakan kerja-kerja pembinaan melalui proses tender terbuka di mana wakil Kerajaan perlu dilantik untuk menganggotai jawatankuasa tender bagi kerja-kerja pembinaan tersebut.

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan kos dan terma-terma perjanjian wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TANJUNG MALIM]

TARIKH : 03 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Yang DiPertua

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal selia penghasilan makanan dan produk yang berkaitan dengan makanan yang tidak mematuhi standard keselamatan untuk dimakan terutama sekali produk makanan yang dihasilkan oleh kedai-kedai penjual makanan yang tidak dikawal oleh mana- mana peraturan; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mengemukakan mekanisme baru yang lebih berkesan untuk memastikan barang makanan yang dijual adalah tidak menjejaskan kesihatan orang ramai.

Peranan utama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebagai *competent authority* yang menjalankan kawalan keselamatan makanan di negara ini. KKM juga sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan dan yang diimport bagi memastikan makanan yang dikeluarkan dan dijual di Malaysia adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan sistem kawalan keselamatan makanan negara, mekanisme baru yang lebih berkesan telah dijalankan melalui kawalan keselamatan makanan di setiap peringkat rantai bekalan makanan bermula dari ladang hingga makanan sampai kepada pengguna. Kawalan tersebut melibatkan aktiviti pemeriksaan di setiap peringkat rantai makanan meliputi sumber bahan mentah, premis pemrosesan,

pusat pengedaran dan kenderaan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua

Kawalan keselamatan makanan secara berterusan dijalankan ke atas produk makanan menerusi aktiviti-aktiviti berikut:-

a) Pengiktirafan sistem jaminan keselamatan makanan (SK1M, GMP dan HACCP);

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah memperuntukkan semua premis pemprosesan makanan untuk mewujudkan dan melaksanakan sistem jaminan keselamatan makanan seperti Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M), *Good Manufacturing Practice* (GMP), dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP). Justeru, bagi membantu industri makanan khususnya Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) melaksanakan program jaminan keselamatan makanan, SK1M telah diperkenalkan. Pengiktirafan SK1M diberikan secara percuma kepada industri makanan dan KKM berperanan memberi khidmat nasihat teknikal kepada industri makanan bagi mematuhi keperluan skim tersebut secara berperingkat. Selain itu, skim pensijilan GMP dan HACCP turut ditawarkan kepada industri bagi meningkatkan tahap keselamatan makanan.

Pemeriksaan premis makanan dan penutupan premis makanan tidak bersih;

Bagi aktiviti pemeriksaan premis makanan untuk tahun 2011, sebanyak 3.6% (2,918 buah premis makanan) daripada 81,778 buah premis

Tuan Yang DiPertua

makanan yang diperiksa telah diarahkan untuk ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 di mana, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh memerintahkan penutupan serta merta premis yang didapati tidak bersih dan tidak suci bagi tempoh tidak melebihi 14 hari.

Bagi meningkatkan pengawalan terhadap semua premis makanan, pemilik premis makanan diwajibkan untuk mendaftar premis makanan masing-masing dengan KKM seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

c) Pemantauan dan pensampelan makanan domestik;

Hasil pemantauan pada tahun 2011 mendapati 3.4% daripada sejumlah 53,595 sampel makanan di pasaran domestik telah melanggar peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

d) Pemantauan dan pensampelan makanan import;

Selain daripada kawalan ke atas produk makanan domestik, KKM juga turut menjalankan aktiviti pemeriksaan produk makanan import di semua pintu masuk negara. Pegawai Berkuasa dari KKM bertanggungjawab dalam meneliti dan memeriksa konsainmen makanan yang diimport dibantu oleh Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM).

FoSIM merupakan satu sistem jaringan di antara setiap pintu masuk seluruh negara. Sistem FoSIM yang disepadukan dengan Sistem Maklumat Kastam (SMK) ini membolehkan kakitangan penguatkuasaan di setiap pintu masuk seluruh negara meneliti secara berterusan semua konsainmen makanan yang memasuki negara ini. *Alert* makanan akan diedarkan secara atas talian (*on-line*) untuk mengelakkan pengimport daripada mengimport barangan yang sama di pintu masuk berlainan bagi mengelakkan fenomena *port-hopping*.

Hasil pemantauan terhadap makanan yang diimport ke negara ini yang dijalankan sepanjang tahun 2011, sebanyak 191,390 konsainmen makanan diperiksa di mana 8.6% (16,505 sampel makanan) diambil untuk dianalisis. Daripada jumlah sampel yang

Tuan Yang di-Pertua

Di samping itu, pada tahun 2011 sebanyak 164 notifikasi *alert* makanan telah dikeluarkan ke atas makanan yang diimport daripada 19 buah negara. KKM mengkaji setiap notifikasi pelanggaran yang dihantar oleh pintu masuk sebelum notifikasi *alert* makanan tersebut disalurkan kepada negeri dan pintu masuk untuk tindakan selanjutnya.

Penguatkuasaan perundangan makanan; dan

Pada tahun 2011, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas 898 pelanggaran sampel makanan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dengan denda berjumlah RM533.299. Di samping itu, sebanyak 2,325 operasi keselamatan makanan telah dijalankan dan rampasan bernilai RM819,900.97 telah dilakukan.

Promosi dan pendidikan konsumen.

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan kawalan keselamatan makanan di negara ini, aktiviti promosi, taklimat, seminar, khidmat nasihat, bimbingan dan pendidikan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab industri makanan dalam menghasilkan makanan yang selamat kepada pengguna.

Dengan penguatkuasaan yang dilakukan di pasaran tempatan dan pintu masuk, KKM memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa risiko bahaya daripada makanan yang dijual di pasaran adalah pada tahap yang amat rendah.

yjo -S04UM •
MQ-AXM+2Q-
MQ-kUP-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

PERTANYAAN 3 APRIL 2012

DARIPADA 4512

TARIKH

RUJUKAN SOALAN :

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berhubung dengan insiden letupan pada 9 Januari 2012 berhampiran Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur:-

- (a) apakah hasil siasatan yang dijalankan; dan
- (b) adakah terdapat mana-mana individu yang akan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), terdapat 3 laporan polis telah dibuat berhubung kejadian letupan di perkarangan Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 9 Januari 2012. Ketiga-tiga kes tersebut diklasifikasikan di bawah Seksyen 7 Akta Bahan Letupan 1957 dan pada masa ini masih lagi dalam siasatan polis.

Bagi menjawab soalan (b) pula, memandangkan kes tersebut masih dalam siasatan, sebarang proses pendakwaan (sekiranya ada) adaiiah bergantung kepada hasil siasatan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

**YB DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD. RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH

3 APRIL 2012

SOALAN

23

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakansama ada Kementerian dapat membaiki jalan di
Kampung Bruit, Kampung Tekajong yang amat uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah
menyenaraikan pelaksanaan projek jalan di Kampung Bruit,
Kampung Tekajong ini di bawah "*third rolling plan*" RMKe-10
bagi tahun pelaksanaan pada 2013 - 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISA**
DARIPADA **N**
TARIKH **Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**
SOALAN **[BAGAN]**
3 APRIL 2012
Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Sebab-sebab keengganan pihak Kementerian bekerjasama dan menaja program-program dalam mempromosikan sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang dan nyatakan jumlah peruntukan penajaan program tersebut mengikut pecahan setiap negeri sejak tahun 2008 hingga 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan Yang Berhormat Bagan akan keengganan pihak Kementerian Pelancongan Malaysia bekerjasama dan menaja program-program dalam mempromosikan Negeri Pulau Pinang adalah tidak benar. Secara dasarnya, Tourism Malaysia mempromosikan Malaysia di luar negara jika terdapat program-program yang mempunyai *unique selling point* di negeri-negeri. Bagi program, acara atau aktiviti pelancongan yang dirancang oleh kerajaan negeri, ia dilaksanakan sendiri oleh negeri tersebut dan *Tourism Malaysia* akan membantu dari segi promosi sekiranya ia bertaraf antarabangsa.

Bagi Negeri Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Pulau Pinang dan *Tourism Malaysia* Negeri Pulau Pinang kebiasaannya bekerjasama dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Bukit Bendera, Penang Global Tourism Sdn. Bhd. dan lain-lain untuk mengadakan dan mempromosikan program-program pelancongan.

Contohnya, pada 2011, di antara program pelancongan yang

telah diadakan oleh Kementerian Pelancongan di Pulau Pinang adalah seperti:

1. Karnival Taman dan Laman 1 Malaysia @ Taman Botani Pulau Pinang 2011;
2. Mai Beraya Homestay 1 Malaysia 2011;
3. *Penang Amateur Golf Championship 2011*;
4. Festival Boria 1 Malaysia 2011;
5. *Acara Penang Beat Prelude 2017*; dan
6. Program *Discover Juru Autocity 2011*.

Manakala, dari segi peruntukkan penajaan program oleh Kementerian ini mengikut pecahan setiap negeri sejak tahun 2008 hingga 2011, Pulau Pinang adalah negeri kedua tertinggi diberi peruntukkan terbanyak sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:

- | | | |
|----|--------------|---|
| 1. | Pahang | - |
| | RM 4.44 juta | |
| 2. | Pulau Pinang | - |
| | RM 2.34 juta | |

3. Wilayah Persekutuan Labuan	RM 2.01	
4. Sarawak	RM 1.67	
5. Selangor	RM 1.49	
6. Negeri Sembilan	RM 1.08	
7. Johor	RM 1.03	
8. Kelantan	RM 913	bu
9. Terengganu	RM 900	bu
10 Perlis	RM 890	bu
11 Wilayah Persekutuan KL/Putrajaya -	RM 831	bu
12 Perak	RM 800	bu
13 Kedah	RM 800	bu
14 Sabah	RM 792	bu
15 Melaka	RM 790	bu

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA **PERTANYAAN :**
 JAWAB LISAN
 : Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
TARIKH : 03 April 2012 (Selasa)
SOALAN : Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI**
 PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah
 rancangan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian
 untuk meningkatkan hasil keluaran sayur - sayuran dan buah -
 buahan.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah dan sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran tanaman makanan melalui pelaksanaan program dan projek berikut:

i. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Sehingga kini, sebanyak 55 projek TKPM telah dibangunkan di seluruh negara meliputi kawasan seluas 4,705 hektar dan melibatkan 913 orang peserta. Jumlah pengeluaran sehingga kini adalah 195.54 ribu tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM199.91 juta.

ii. Projek Tanah Terbiar

Seluas 8,521 hektar tanah terbiar telah diusahakan semula dengan melibatkan seramai 7,122 peserta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kawasan - kawasan ini diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan seperti nenas, tebu, tembikai, pisang, roselle, jagung, nangka dan mangga. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2011 adalah

sebanyak 27,325 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM2.45 juta. Manakala Jumlah pengeluaran daripada tahun 2007-2010 adalah sebanyak 70,790.4 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM37.06 juta.

iii. Ladang Kontrak

Program Ladang Kontrak dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran sayur - sayuran dan buah - buahan dalam negara. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 21,468 orang dengan melibatkan kawasan seluas 35,222 hektar. Pencapaian hasil bagi RMKe-9 adalah berjumlah RM2.63 billion. Bagi tahun 2011 sahaja, hasil pengeluaran bernilai RM694.1 juta dengan pengeluaran sebanyak 386,746 tan metrik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

NO. SOALAN : 17

[KUANTAN]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan dan pelaksanaan pengisytihar harta dan aset Menteri Kabinet serta bilakah akan menetapkan jadual pelaksanaan pengisytiharan harta Menteri Kabinet kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandangkan Exco Pulau Pinang telah pun mengisytihar harta mereka secara terbuka pada Disember 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada YAB Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**).

Pada 27 Febuari yang lalu YAB Perdana Menteri telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

DARIPADA

KAWASAN

TARIKH

RAKYAT **SOMAN HO**

,27

LISAN

YB. DATUK SIRINGAN BIN GUKI AT RANAU

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN:

YB. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab-sebab kenapa kerja projek jalan raya yang berimpak tinggi dari Ranau ke Kota Marudu yang dilaksanakan Syarikat Jutaya Sdn. Bhd. dan Perwira Sdn. Bhd. telah lenti dari penghujung bulan November 2011, sehingga bulan Mac 2012 belum lagi beroperasi semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pelaksanaan projek Jalan Kota Marudu – Marak Parak – Melimau – Poring: – Ranau, Sabah telah dibahagikan kepada 3 pakej uiama,, iaitu pakej 1, 2 dan 3, di mana pakej 3 dipecahkan lagi kepada dua sub-pakej, iaitu 3A dan 3B. Projek dengan anggaran kos ksselurufuan sebanyak RM910 juta itu telah diluluskan dan dimulakan sejak dari RMKe-9 dan bersambung dalam RMKe-10. Pelaksanaan projek ini dibuat secara berfasa, di mana kelulusan peruntukan yang; diperoleh kementerian ini dari Agensi Pusat setakat ini ialah untuk pakej 2 dan sub-pakej 3A sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah membahagikan sub-pakej 3A (Togop ke Poring) sepanjang 25 kilometer kepada empat segmen iaitu 3A(1), 3A(2), 3A(3) dan 3A(4). Untuk segmen 3A(1), projek melibatkan skop pembinaan jalan baru sepanjang 4 kilometer dan siap pada bulan September 2009. Manakala segmen 3A(3) pula melibatkan skop pembinaan jalan batu kelikir sepanjang 5 kilometer dan siap pada bulan Disember 2010. Untuk segmen 3A(2) dan 3A(4) pula, kedua-dua segmen tersebut baru sahaja menerima kelulusan peruntukan dalam *Rolling Plan* ke- 2, RMKe-10. Anggaran kos untuk kedua-dua segmen projek itu ialah* sebanyak RM117 juta dan ia dilaksanakan oleh syarikat Perwira

Prcjtresif Sdn. Bhd.. Berdasarkan perancangan, pelaksanaan fizikal projek ini dijangka akan dimulakan selewat-iewatnya pada pertengahan tahun ini dan siap dalam tempoh 24 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segmen 3B yang melibatkan skop pembinaan jalan Togop ke Melinsau sepanjang 25 kilometer masih iagi belum dimulakan walaupun reka bernuk projek tersebut telah disiapkan. Ini kerana peruntukan untuk segmsn teirsebut tidak disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perda.ua Menteri dalam *Rolling Pfan* ke-2, RMKe-10. Sehubungan itu, kemenl erian akan berbincang dan memohon semula dengan Agensi Pusat itu untuk kelulusan dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.04.2012

Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah cukai yang dikutip oleh Kerajaan daripada

syarikat-syarikat nombor 4 ekor dalam tahun 2010, 2011 dan bulan Januari dan Februari 2012. Berapa daripadanya adalah cukai daripada jualan special draw.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai perjudian daripada syarikat induk nombor ramalan bagi tahun 2010, 2011 dan Februari 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kutipan Cukai (RM)
2010	1,245,533,904.60
2011	1,320,039,052.04
Sehingga Februari 2012	255,731,666.49

Jumlah kutipan cukai perjudian bagi cabutan khas atau '*special draw*' daripada syarikat induk nombor ramalan bagi tahun 2010, 2011 dan Februari 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kutipan Cukai (RM)
2010	129,248,962.87
2011	127,111,027.00
Sehingga Februari 2012	29,829,328.09

NO SOALAN : 29
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	LISAN
PERTANYAAN :	YB DATO' HAJI ISMAIL
DARIPADA	BIN HAJI MOHAMED SAID
	(KUALA KRAU)
	03.04.2012
TARIKH	(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan setakat ini berapa banyakkah kem askar wataniah yang telah diwujudkan di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian bercadang

untuk membina kem askar wataniah di Parlimen Kuala Krau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Falsafah penubuhan Askar Wataniah (AW) adalah untuk membantu dalam pertahanan negara apabila diperlukan. Sehingga kini, terdapat 56 buah kem latihan Askar Wataniah yang telah diwujudkan di seluruh negara. Jumlah tersebut mencukupi bagi melaksanakan aktiviti dan latihan yang melibatkan anggota sukarela.

Di Negeri Pahang, terdapat 4 buah kem yang berada di bawah tanggungjawab Rejimen 505 AW yang berpangkalan di Kem Force 136, Pekan, Pahang. Penempatan latihan Askar Wataniah yang paling berdekatan dengan kawasan Parlimen Kuala Krau ialah Batalion Kedua, Rejimen 505 AW di Kem Susur Tembeling, Jerantut. Jarak perjalanan di antara kedua-dua lokasi lebih kurang 30 - 35 kilometer. Setakat ini Kementerian belum merancang untuk membina kem Askar Wataniah di Parlimen Kuala Krau kerana memberi tumpuan kepada program *Army CARE* iaitu Projek Rehabilitasi Kem-kem Tentera Darat sedia ada yang begitu usang dan daif. Perkara akan dipertimbangkan oleh Kementerian ini pada masa-masa akan datang selaras dengan Rancangan Pembangunan Askar Wataniah.

SOALAN NO: 12
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

JAWAB LISAN
TUAN MUHAMMAD BIN
HUSAIN [PASIR PUTEH]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Putih) minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan permainan-permainan tradisional yang dianggap masih ada dalam masyarakat sekarang dan jumlah peruntukan yang digunakan Kerajaan bagi membantu mengikut jenis-jenis permainan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Permainan tradisional yang masih dimainkan oleh masyarakat sekarang adalah seperti permainan gasing, wau, sepak raga bulatan, teng-teng, galah panjang, congkak, dam aji, sepak bulu ayam, tarik tali dan tarik upeh, dan permainan tradisional masyarakat Cina seperti Yo Yo dan Dam Cina manakala masyarakat India terkenal dengan permainan Kabaddi. Kementerian ini sentiasa menggalakkan dan mempromosikan kembali permainan ini melalui program-program seperti Program Merakyatkan Seni anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

SOALAN NO: 21

(JKKN), acara peringkat Institusi Pengajian Tinggi, sekolah, peringkat kawasan perumahan dan komuniti serta peringkat agensi Kerajaan dan swasta.

Sejumlah RM450.000 daripada peruntukan Program Merakyatkan Seni pada tahun 2011 telah digunakan untuk aktiviti permainan tradisional selain daripada bantuan khidmat nasihat.

Jabatan Warisan Negara (JWN) juga sedang menyediakan buku mengenai permainan tersebut yang bertujuan untuk mempromosikannya kepada pelancong asing. Selain itu, Kementerian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk mempromosikan dan memperkenalkan permainan tradisional di semua *Homestay* di negara ini.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HENRY SIM AGONG (LAWAS)
TARIKH : 3 APRIL 2012
SOALAN : DATO' HENRY SIM AGONG minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan cadangan membuka lembah pertanian padi dan akuakultur di kawasan Parlimen Lawas.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM392,000 telah diperuntukkan bagi membantu pesawah di kawasan Parlimen Lawas melibatkan seramai 202 orang dan kawasan seluas 173 hektar. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk program pembangunan industri padi di Sarawak bagi tahun 2011 dan 2012 adalah terhad. Namun begitu, pihak Jabatan Pertanian Sarawak akan mengemukakan cadangan baru dan akan memohon peruntukan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Berkenaan dengan pembangunan akuakultur, pihak Jabatan Pertanian telah mengenal pasti Sundar Awat-Awat sebagai kawasan untuk dijadikan lembah akuakultur atau Zon Industri Akuakultur (ZIA). Kawasan tersebut yang mempunyai keluasan 350 hektar terletak di Jalan Trusan dan didapati sesuai untuk ternakan ikan air payau atau udang laut. Peruntukan sebanyak RM700,00.00 untuk kerja-kerja ukur sempadan dan pembangunan infrastruktur asas bagi kawasan ZIA Sundar Awat-Awat sudah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan akan dilaksanakan pada tahun 2012 sejourus mendapat kelulusan tapak daripada pihak Lembaga Perancangan Negeri Sarawak.

SOALAN NO: 12
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HAL I MAH BINTI MOHD SADIQUE

TARIKH: 3 APRIL 2012

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan **bilakah** pelaksanaan gaji minimum sektor swasta sebanyak RM900 sebulan sebagaimana yang dipersetujui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) serta nyatakan **impaknya** dari segi kos hidup, kadar kemiskinan, produktiviti pekerja, kadar pengangguran serta tekanan inflasi sekiranya dilaksanakan.

PR-1251-L49128

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara, Kerajaan telah menerima syor daripada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) berhubung dengan kadar, liputan dan penguatkuasaan gaji minimum. Kerajaan telahpun menimbang dan bersetuju dengan kadar dan liputan gaji minimum sebagai mana syor oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Kadar dan liputan gaji minimum akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2012 ini.

2. Syor MPGN telah mengambilkira pendapat dan pandangan termasuk kajian oleh Bank Dunia, Bengkel bersama pihak majikan dan pekerja, Input daripada Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai ahli ekonomi dan pakar dalam ekonomi perburuhan, taklimat serta rundingan dengan orang awam di seluruh negara. Berdasarkan kepada input yang diperolehi, MPGN mengesyorkan 5 kriteria berikut sebagai asas pengiraan kadar gaji minimum:

- i. Pendapatan garis kemiskinan;
- ii. Keupayaan majikan membayar upah;
- iii. Peningkatan produktiviti buruh;
- iv. Indeks harga pengguna; dan
- v. Kadar pengangguran;

3. Bagi menangani kemungkinan impak-impak negatif, Kerajaan memutuskan agar satu tempoh peralihan diberi kepada majikan untuk mengelakkan berlakunya kejutan kepada ekonomi negara seperti peningkatan kadar pengangguran dan peningkatan harga barang yang mendadak.

4. Pelaksanaan gaji minimum adalah terpakai kepada semua pekerja dalam semua sektor sama ada pekerja tempatan mahupun pekerja asing, kecuali pekhidmat domestik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**
(PUTATAN)

TARIKH **:** **03.4.2012**

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah kekangan yang menyebabkan SMK Petagas masih belum lagi dibina walaupun telah dipohon sejak beberapa rancangan Malaysia yang terdahulu; dan
- (b) jika telah diluluskan, bila pembinaannya dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) & (b)

Projek SMK Petagas telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10). Walau bagaimanapun, antara kekangan utama sehingga projek ini masih tidak dapat dilaksanakan adalah disebabkan oleh masalah perolehan tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan pengambilan balik tanah SMK Petagas seluas 15 ekar kepada Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah pada 23 Ogos 2011, namun cadangan tersebut telah menerima bantahan daripada penduduk setempat. Pada 31 Januari 2012, KPM sekali lagi mengemukakan salinan surat pengesahan kepada JTU Sabah untuk meneruskan pengambilan tapak tersebut berdasarkan Seksyen 3 Ordinan Pengambilan

Tanah (secara wajib) seperti dipohon oleh pihak JTU Sabah. Sehingga kini, proses pengambilalihan ini masih dalam tindakan JTU Sabah. Oleh yang demikian, projek ini akan hanya dapat dimulakan selepas isu tanah ini selesai.

Dalam hal ini, KPM sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah dan lokasi. Hasrat Kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua jenis sekolah di seluruh negara. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasaranan dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Rjm 66

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

TARIKH : 3 APRIL 2012

SOALAN:

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah penyebab utama kejadian banjir kilat yang kerap kali berlaku seperti di Kajang dan Kuching baru-baru ini dan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan sistem saliran terutamanya di kawasan bandar dapat menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca-punca kejadian banjir kilat di Kajang ialah masalah limpahan air sungai, kedudukan jambatan KTM dan JKR serta terdapat kedai-kedai yang dibina dalam rizab sungai. Bagi mengatasi masalah tersebut, antara usaha-usaha bersama yang perlu dilakukan ialah menaik taraf sungai, menaik taraf jambatan yang menjadi halangan laluan air, memasang *flap gate* dan membina rumah pam. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. Bagi melaksanakan langkah-langkah tersebut secara menyeluruh, terdapat juga keperluan untuk pengambilan balik tanah.

Manakala bagi kawasan Kuching pula, punca kejadian banjir ialah kedudukan kawasan tersebut di kawasan tanah rendah dan masalah limpahan air sungai. Bagi mengatasi masalah ini, antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah pembinaan lencongan banjir, pembinaan baraj laluan kapal, pembinaan pintu air pasang surut, pembinaan dua (2) buah jambatan dan pembinaan ban.

Dalam hubungan ini juga, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mencegah berlakunya banjir/ banjir kilat di seluruh negara adalah seperti berikut:

- i) Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir atau Pelan Induk Saliran Bandar untuk digunapakai dan dijadikan panduan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk semua jenis pembangunan;
- ii) Menaik taraf dan melaksanakan infrastruktur tebatan banjir seperti sistem saluran, lencongan, kolam-kolam takungan banjir dan empangan

tebatan banjir;

- iii) Melaksanakan langkah bukan struktur seperti sistem amaran awal banjir termasuk infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan dan aras air, siren dan papan amaran banjir. Ia bertujuan untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- iv) Menguatkuasa perundangan pembangunan melalui persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap pematuhan bagi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang disediakan oleh JPS;
- v) Menggalakkan penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) di bangunan-bangunan Kerajaan dan swasta; dan
- vi) Mengurangkan kawasan tidak telap air dengan menggalakkan penggunaan bahan-bahan telap air seperti di tempat meletak kenderaan, di padang permainan, sekitar kawasan kediaman dan jalanraya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

PE
RT
AN
YA
AN

LISA
N

TARIKH

**Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK
LAFE (MAS GADING)**

03.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan masih banyak ibu bapa yang masih memilih PPSMI untuk pembelajaran Sains dan Matematik, bolehkah sekiranya PPSMI diimbaz kembali. Cadangan agar ianya dilaksanakan di sekolah-sekolah tertentu (dengan persetujuan PIBG sekolah-sekolah berkenaan) di negeri Sabah dan Sarawak sekiranya bercanggah dengan dasar pendidikan nasional memandangkan kewujudan perjanjian 20 point/18 point semasa penubuhan Malaysia pada 1963 dan kegunaan Bahasa Inggeris yang meluas di kedua buah negeri tersebut. Apakah langkah Kementerian mengenai anggapan bahawa kelemahan pelaksanaan PPSMI pada dasarnya bukan kerana program atau keupayaan murid tetapi tenaga pengajar yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris kerana banyak yang memilih untuk mengajar subjek tersebut lebih tertarik kepada elaun daripada minat dan keupayaan mengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) mulai 8 Julai 2009 bagi menggantikan Pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti P&P Sains dan Matematik itu sendiri dan keupayaan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan

murid sekolah. Dasar ini adalah salah satu bukti kesungguhan Kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Malaysia dan pada masa yang sama, memperkukuh penguasaan Bahasa Inggeris di semua peringkat.

Sesungguhnya, pelbagai pihak terutama pejuang-pejuang bahasa telah memberi sokongan padu supaya dasar ini dilaksanakan. Dasar MBMMBI yang telah diumumkan pada 8 Julai 2009 adalah berasaskan kepada kajian dan pemantauan ke atas pelaksanaan PPSMI. Hasil kajian menunjukkan kurang 50 peratus daripada masa pengajaran dan pengajaran (p & p) menggunakan bahasa Inggeris, malah terdapat beberapa sekolah melaksanakan p & p dalam bahasa Inggeris kurang daripada 20 peratus. Keadaan ini disebabkan oleh guru terpaksa mengambil masa yang lama untuk memahamkan murid mengenai sesuatu konsep, jika menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, masih terdapat guru-guru yang kurang berupaya untuk mengajar sepenuhnya dalam bahasa berkenaan.

Walau bagaimanapun, semua pandangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak akan diteliti sebaik mungkin. Namun bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat diteruskan seperti biasa dan tidak terganggu, keputusan sebelum masih berkuatkuasa.

Rjm 67

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]**

TARIKH 3 APRIL 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah wang pembangunan di Parlimen Balik Pulau telah digunakan dan

SOALAN NO: 12
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

untuk tujuan apakah ianya digunakan serta siapa dan berapakah elaun penyelaras Parlimen Balik Pulau semenjak Mac 2008.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM 179.9 juta bagi melaksanakan 16 program/projek pembangunan di kawasan Parlimen Balik Pulau. Senarai projek di kawasan Balik Pulau adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PARLIMEN	SUING RP2
1	NCER - PEMBANGUNAN MIDI SENTRAL	BALIK PULAU	3,900,000.00
2	NCER - PUSAT KECEMERLANGAN JENTERA DAN PERALATAN	BALIK PULAU	5,850,000.00
3	NCER - PUSAT KECEMERLANGAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK	BALIK PULAU	4,150,000.00
4	NCER - PENINGKATAN TAHAP KESELAMATAN LOGISTIK DI ZON INDUSTRI	BALIK PULAU	2,100,000.00
5	BAIK PULIH JALAN DARI JALAN GENTING KE BALIK PULAU DAN DARI BAYAN LEPAS KE TELUK KUMBAR (FAS A 1)	BALIK PULAU	16,500,000.00
6	BAIKPULIH JALAN DARI PEKAN GENTING KE BALIK PULAU DAN DARI BAYAN LEPAS KE BALIK PULAU - FASA 2 (REKABENTUK DAN PENGAMBILAN BALIK TANAH)	BALIK PULAU	8,400,000.00
7	PEMBINAAN BARU TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU DI DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	BALIK PULAU	258,247.20
8	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT, BARAT DAYA, PULAU PINANG	BALIK PULAU	92,000.00
9	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU, SEBERANG PERAI SELATAN	BALIK PULAU	92,000.00
10	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU, BARAT DAYA, PULAU PINANG	BALIK PULAU	92,000.00
11	NAIK TARAF DAN PEMBINAAN PADANG PERMAINAN SEKOLAH KEBANGSAAN GENTING, BALIK PULAU	BALIK PULAU	289,280.00
12	NAIK TARAF DAN PEMBINAAN PADANG PERMAINAN SEKOLAH KEBANGSAAN TELUK BAH AN G, KELAWAI	BALIK PULAU	289,280.00
13	PEMBINAAN BANGUNAN 30 BILIK DARJAH DAN LAIN- LAIN KEMUDAHAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS, BARAT DAYA, PULAU PINANG	BALIK PULAU	12,001,193.00
14	PENINGKATAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI TAMAN NEGARA PULAU PINANG (BUKIT BATU HITAM)	BALIK PULAU	1,473,000.00

BIL	NAMA PROJEK	PARLIMEN	SUING RP2
15	PEMBINAAN POLITEKNIK BALIK PULAU	BALIK PULAU	120,000,000.00
16	PEMASANGAN PERALATAN DVOR/DME YANG BARU DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG	BALIK PULAU	4,500,000.00
JUMLAH			179,987,000.20

Penyelaras Parlimen Balik Pulau yang dilantik ialah Puan Siti Faridah binti Haji Arshad. Beliau mula dilantik pada 1 Disember 2009 secara kontrak. Elaun Penyelaras Parlimen ialah RM5,680.00 sebulan yang mana sejak Mac 2008, keseluruhan jumlah elaun yang diterima oleh beliau sehingga kini ialah RM153,360.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' HAJI ISMAIL BIN

HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)

SOALAN NO. 38

TARIKH **3 APRIL 2012 (SELASA)**

SOALAN :

YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah tindakan dan program yang diambil terhadap mangsa terutama wanita tempatan yang terlibat sebagai mangsa pemerdagangan manusia selepas mereka menerima hukuman daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Berapa ramaikah wanita tempatan yang terlibat dengan kegiatan ini dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu pemerdagangan orang dan pelbagai inisiatif telah diambil khususnya dari segi perundangan, penguatkuasaan, perlindungan, penjagaan dan penghantaran pulang mangsa serta program- program kesedaran kepada masyarakat.

Seramai 6 orang wanita dan 18 kanak-kanak tempatan telah menjadi mangsa pemerdagangan orang semenjak Akta AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran 2007 dikuatkuasakan. Mereka yang diselamatkan ini merupakan mangsa dalam kes-kes eksploitasi seks, buruh paksa dan penjualan kanak-kanak.

Semasa di rumah perlindungan, mangsa akan diberikan program-program seperti berikut:

1. Sokonaan emosi

Sesi terapi, kaunseling dan psikososial diberikan untuk membantu mangsa membina keyakinan diri selain memulihkan emosi serta

perasaan takut atau trauma mangsa. Sesi-sesi ini dikendalikan menerusi kaunselor dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Latihan Kemahiran

Sesi menjahit, mengait (*knitting*), memasak, berkebun, pembuatan coklat, pembuatan hiasan bunga menggunakan *polimer-clay* dan juga aksesori fesyen menggunakan jahitan manik juga dijalankan bagi meningkatkan kemahiran mangsa selain daripada mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh mereka. Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Kelas Bahasa

Kelas Bahasa Inggeris diadakan untuk membantu mangsa yang tinggal di rumah perlindungan meningkatkan kemahiran komunikasi antara mereka dengan kakitangan di rumah perlindungan.

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga turut membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam persiapan penghantaran pulang mangsa warga asing ke negara asal. Bagi mangsa warga tempatan, mereka akan dijemput pulang oleh keluarga atas makluman pihak KPWKM. Mangsa tempatan yang dihantar pulang akan diberikan khidmat sokongan, nasihat dan bimbingan untuk mengelakkan mereka daripada diperdaya dan ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Mangsa juga diharapkan dapat menjalani kehidupan di sisi keluarga.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH : 3APRIL2012

SOALAN:

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bahawa setiap kali banjir berlaku, Kerajaan berjanji untuk memasang alat pengesan dan amaran awal banjir di kawasan-kawasan yang sering berlaku banjir, di mana alat ini dipasang dan bilangan tambahan alat dipasang sejak 2010 hingga sekarang

SOALAN NO . : 39

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sehingga bulan Mac 2012, sebanyak 617 buah Stesen Hujan dan Aras Air telah dipasang di seluruh negaraberbanding 476 buah stesen pada tahun 2009. Ianya melibatkan pertambahan sebanyak 141 buah stesen. Tujuannya adalah untuk memantau aras sungai dan curahan hujan secara automatik dan semasa.

Selain itu, sehingga bulan Mac 2012, sebanyak 436 Stesen Siren Amaran Banjir telah dipasang di seluruh negaraberbanding 423 buah stesen pada tahun 2009. Ianya melibatkan pertambahan sebanyak 13 buah stesen. Tujuannya adalah untuk membolehkan penduduk setempat mengambil tindakan segera untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN FONG PO KUAN
[BATU GAJAH]
TARIKH 3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan samada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bersedia mengkaji semula stesen lama KTMB Batu Gajah sebagai perhentian kereta api dan menjadikan ia pusat pengangkutan awam memandangkan kedudukan strategiknya. Apakah Kerajaan sedar bahawa stesen KTMB ini menyulitkan dan membebankan penggunaanya kerana kedudukannya dan kekurangan kemudahan.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Stesen baru KTMB di Batu Gajah telah mula beroperasi pada tahun 2008 setelah siap projek landasan berkembar elektrik Rawang ke Ipoh. Terdapat tiga (3)

SOALAN NO.19

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
perkhidmatan KTMB yang telah dibentangi stesen baru ini iaitu perkhidmatan Antarabandar, ETS dan Kargo.

Pada masa ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tiada mempunyai cadangan untuk melakukan kajian semula ke atas stesen lama KTMB Batu Gajah untuk beroperasi semula memandangkan beberapa faktor berikut:

- i. stesen lama terletak terlalu hampir dengan jalan raya yang sesak;
- ii. stesen lama berada di atas kedudukan tanah rezab keretapi yang sempit; dan
- iii. stesen lama tidak sesuai untuk dibangunkan sebagai sebuah stesen keretapi baru dan untuk pembangunan pekan Batu Gajah pada masa hadapan.

Di samping itu, stesen lama KTMB Batu Gajah telah dicagkan oleh pihak Jabatan Muzium Negara untuk dipelihara dan dijadikan bangunan warisan.

Pihak Kerajaan sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai terutama untuk mengakses pergi dan balik ke stesen baru Batu Gajah. KTMB di dalam proses untuk mewujudkan kesinambungan

SOALAN NO.19

pengangkutan awam melalui kerjasama dengan syarikat pengangkutan bas dan teksi untuk memudahkan akses orang ramai ke stesen tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOK SENJA]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Senja] PERDANA MENTERI

menyatakan adakah FBC Media Ltd membayar balik jumlah wang RM 80 juta yang dibayar oleh Kerajaan kepada FBC Media Ltd selepas BBC memohon maaf kerana menyiarkan program hal ehwal semasa termasuk 8 program dokumentari untuk menaikkan imej Kerajaan Barisan Nasional dan kepimpinan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa yang melanggar peraturan dalaman syarikat dan adakah Kerajaan akan menuntut kembali wang tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah membayar wang kepada syarikat media asing untuk menyediakan berita atau program yang meningkatkan imej kerajaan Malaysia. Sebenarnya, kerajaan sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan negara lain, ada mendapatkan kepakaran asing dalam bidang komunikasi untuk menarik pelaburan asing dan meningkatkan kedatangan pelancong bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan tidak terbabit di dalam sebarang perjanjian penyiaran antara FBC dan BBC, ia merupakan urusan di antara kedua-dua pihak.

Kerajaan menuntut semua organisasi yang bekerja dengannya untuk mempunyai standard etika yang tinggi dan kita tidak akan berkompromi dengan hal ini.

Sekian, terima kasih.

Wong Sook Aik / :
if 2. #CrftUM 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PADA LISAN
PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
TARIKH
3 APRIL 2012
RUJUKAN
4514

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] meminta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan yang terlibat dalam projek 6P pada tahun 2011. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam industri perkhidmatan dan pembuatan di Malaysia.

JAWAPAN:

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program 6P dilaksanakan dengan tujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data dan rekod biometrik warga asing di negara ini.

Program 6P dilaksanakan melalui kaedah **Private Funding Initiative** (PFI), oleh itu Kerajaan tidak menanggung kos operasi pelaksanaan program tersebut.

Di antara impak positif pelaksanaan Program 6P adalah seperti berikut:

- i. berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;
- ii. membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing melalui pengambilan data biometrik, sekaligus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- iii. membantu menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- iv. memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan
- v. menangani isu ketirisan dalam pengutipan levi pekerja asing dan

sekali gus meningkatkan hasil pendapatan negara.

Program 6P adalah sebahagian daripada usaha penting dalam agenda Kerajaan untuk memantapkan pengurusan warga asing di negara ini, sekali gus membantu menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam industri perkhidmatan dan pembuatan di Malaysia. Selaras dengan Program 6P ini juga Kerajaan telah menengguhkan pengambilan pekerja asing dari luar. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan memberi peluang kepada majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Proses Pendaftaran dan Pemutihan yang sedang dilaksanakan.

Bagi tujuan ini, pihak Kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat dan peraturan di bawah Program 6P yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- i) Membuka semula subsektor-subsektor di bawah sektor perkhidmatan yang dibekukan;
- ii) Membenarkan sektor di luar dasar sedia ada mendapatkan pekerja asing melalui program pemutihan yang dijalankan; dan
- iii) Melonggarkan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia untuk kelulusan pengambilan pekerja asing

melalui proses Pemutihan yang dijalankan.

Langkah-langkah yang diambil ini adalah bagi memastikan majikan tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja asing dan seterusnya menjamin kelancaran operasi di sektor masing-masing.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 April 2012

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bolehkah Kementerian ini membantu penduduk untuk penempatan semula skim Skrang diberi lot tempat tinggal bagi keluarga yang makin bertambah sebagai membalas jasa mereka yang dipindahkan dari tahun 1964 disebabkan konfrontasi dengan negara jiran atas sebab keselamatan kerana lot sekarang sudah tidak dapat lagi untuk menampung keperluan pertambahan penduduk.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu penempatan semula penduduk melalui Skim Skrang bukannya di bawah bidang kuasa kementerian ini. Hasil semakan pihak kami mendapati perkara ini

Soalan No : 4

adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri Sarawak iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

Y . B . D A T O ' S R I A Z A L I N A B I N T I D A
SAID
(PENGERANG)

TARIKH

03.04.2012

SOALAN:

Y . B . D A T O ' S R I A Z A L I N A B I N T I D A T O * O T H M A N S
Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang diambil berkenaan isu terdapat ramai golongan pensyarah yang meletakkan jawatan di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar berbanding pensyarah yang ditempatkan di Sekolah Sukan, Bukit Jalil Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai dasar yang telah diperakukan dalam proses pertukaran guru sama ada di sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Kepentingan keperluan opsyen diutamakan bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 3 orang guru meminta tukar dari Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) daripada jumlah itu seramai dua (2) orang guru telah memohon pertukaran kerana mengikut suami dan seorang lagi meletak jawatan kerana menerima tawaran menjadi pensyarah di UITM Shah Alam serta menyambung pelajaran.

Manakala bagi Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) seramai tiga (3) orang guru juga telah memohon pertukaran kerana mengikut suami.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini satu kertas cadangan Penambahbaikan Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru sedang disediakan. Sesi **engagement** bersama-sama pihak berkepentingan telah diadakan pada 14 dan 20 Mac 2012. Sesi **engagement** ini bertujuan mendapatkan maklum balas dan pandangan dalam usaha untuk menambahbaik dasar penempatan dan pertukaran guru. Pendekatan ini penting bagi memastikan dasar yang akan digubal akan lebih komprehensif dan boleh diterima oleh semua warga pendidik. Dasar ini juga diharap dapat memastikan penempatan seseorang guru dengan tepat berdasarkan keperluan seterusnya dapat mengatasi kekurangan guru di semua sekolah.

Rjm 68

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA : Y.B. DATO¹ SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.04.2012

1 BNMLINK, Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

NO SOALAN M

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] KEMENTERI KEWANGAN menyatakan statistik tentang jumlah kes dan nilai penipuan insurans yang telah dilaporkan kepada Kementerian untuk 5 tahun yang lepas dan apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk melindungi pembeli insurans.

menyatakan statistik tentang jumlah kes dan nilai penipuan insurans yang telah dilaporkan kepada Kementerian untuk 5 tahun yang lepas dan apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk melindungi pembeli insurans.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penipuan adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (***Penal Code***) dan harus dilaporkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya. Akta Insurans 1996 dan Akta Takaful 1984 juga melarang syarikat insurans/pengendali takaful atau ejen mereka membuat atau menawarkan sesuatu kontrak insurans dengan niat untuk memberikan gambaran yang salah atau misrepresentasi. Syarikat insurans/pengendali takaful dan pengantara insurans mesti mematuhi keperluan pengawal selia dalam menjalankan perniagaan mereka, termasuk keperluan ketelusan dan penzahiran produk serta nasihat yang wajar.

2. Bank Negara Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) telah mengambil tindakan terhadap syarikat insurans/pengendali takaful dan ejen insurans/pengendali takaful yang didapati memberi maklumat palsu atau terlibat dalam salah jual produk atau tuntutan palsu insurans/takaful. Di antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) syarikat insurans/pengendali takaful diarah memulangkan semula wang premium/sumbangan kepada pemegang polisi/sijil; atau
- (ii) syarikat insurans/pengendali takaful dikehendaki membayar pampasan insurans/takaful seperti yang dijanjikan oleh ejen semasa menjual polisi/sijil sekiranya terdapat bukti kukuh terhadap janji yang telah dibuat oleh ejen terbabit.

3. Sebagai perlindungan tambahan terhadap kejadian gambaran yang salah atau misrepresentasi, Akta Insurans 1996 memperuntukkan 'tempoh membuat keputusan (**free look period**) selama 15 hari dari tarikh penerimaan polisi insurans hayat. Pemegang polisi boleh mengembalikan polisi hayat dan berhak untuk mendapat kembali premium yang dibayar sekiranya selepas mengkaji terma polisi, mereka berpendapat bahawa polisi tersebut tidak bersesuaian dengan keperluan mereka atau mereka telah diberi gambaran yang salah mengenai produk tersebut. Pengguna yang mempunyai bukti mengenai salah laku syarikat insurans/pengendali takaful atau ejen mereka boleh mengemukakan aduan kepada syarikat insurans/pengendali takaful berkenaan atau kepada Bank Negara Malaysia di alamat seperti yang berikut:

(ii) BNMTELELINK
Tel: 1-30088-5465 Fax: 03
2174 1515 Email:
bnmtelelink@bnm.gov.my SMS :
15888

4. Melalui BNMLINK, Bank Negara Malaysia telah menerima 723 aduan berhubung misrepresentasi oleh ejen dan juga salah nyata maklumat produk insurans/takaful untuk tempoh dua tahun dari tahun 2010 sehingga 2011. Daripada jumlah ini, 93% kes telah diselesaikan di mana 62% adalah memihak kepada pemegang polisi/sijil dan 31% memihak kepada syarikat insurans/pengendali takaful. Bagi kes di mana ejen tidak memberi maklumat yang tepat berhubung produk insurans/takaful, Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan mengkehendaki syarikat insurans/pengendali takaful tersebut membayar premium/sumbangan kepada pemegang polisi/sijil.

5. Sebaliknya, untuk kes yang memihak kepada syarikat insurans/pengendali takaful yang mana, pada asasnya disebabkan pemegang polisi/sijil tidak memahami terma dan syarat polisi/sijil, Bank Negara Malaysia telah memberi penerangan dan maklumat yang sewajarnya berhubung produk insurans/takaful berkaitan. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau syarikat insurans/pengendali takaful bagi memastikan mereka sentiasa sikap profesional apabila memasarkan produk insurans/takaful demi melindungi kepentingan pengguna kewangan.

PERTANYAAN LISAN
 DARIPADA YB TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)
 TARIKH 3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN YB TUAN TENG BOON SOON minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian mengkaji dan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan hubungan ras semakin merosot sejak tahun 1960an. Apakah faktor-faktor dan punca masalah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki hubungan ras negara serta keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil.

JAWAPAN (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, di mana-mana negara majmuk termasuk Malaysia, atas sebab perbezaan ras etnik, agama, budaya atau bahasa, rakyat cenderung bergaul berkelompok sendiri, dan kurang bergaul dengan kelompok-kelompok lain secara rapat. Ini menjadi punca polarisasi sosial antara kaum atau kelompok. Fenomena polarisasi ini meningkat apabila pemimpin-pemimpin tertentu mempolitikkan -isu dari sudut yang sempit atau ekstrim, mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang menggugat ketenteraman masyarakat, sekiranya tidak menguruskan dan ditangani dengan sesuainya.

Dalam konteks Malaysia, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan

Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin.

Sememangnya, pelaksanaan pelbagai polisi pada amnya telah berjaya membawa hasil kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial yang dapat dinikmati oleh hampir semua rakyat, serta mengekalkan keharmonian, kestabilan dan keamanan. Walaubagaimanapun, masih terdapat cabaran dan aspek-aspek kekurangan yang perlu ditangani supaya mengurangkan jurang dan polarisasi antara kelompok.

Misalnya, dalam sektor ekonomi, pelaksanaan dasar pembangunan, sejak 1970 khasnya telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat pada amnya, hampir menghapuskan kemiskinan tegar dan menstrukturkan semula masyarakat. Akan tetapi, golongan berpendapatan rendah 40% ke bawah dari semua kaum masih perlu dibela dan dibantu supaya jurang pendapatan dapat dikurangkan. Penyertaan Bumiputera telah meningkat khasnya dalam beberapa bidang, tetapi pembangunan keusahawanan Bumiputera masih memerlukan pendekatan baru yang lebih berkesan. Oleh itu, baru-baru ini, Perdana Menteri kita telah melancarkan program Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera. Di sebaliknya, di kalangan bukan bumiputera, terdapat perasaan dipinggirkan (*deprivation*) atau disekat, maka liberalisasi telah dimulakan untuk bidang-bidang tertentu dalam sektor perkhidmatan.

Sistem persekolahan yang berbilang aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah membolehkan rakyat kita mempelajari kemahiran dalam pelbagai bahasa. Ini menjadi kelebihan dalam usaha kita untuk menerokai pasaran besar di negara-negara Islam dan Barat serta China dan India. Akan tetapi, untuk mengurangkan polarisasi, menggalakkan interaksi dan memupuk persefahaman di kalangan remaja dan belia yang berbilang kaum, beberapa program telah

dilaksanakan, seperti Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) bagi sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, program Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah menengah, dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), program pembangunan cuba dan sukatan, dan sebagainya. Usaha menambahbaikkan program-program ini sedang dan hendaklah terus dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, usaha perlu ditingkatkan untuk terus menggalakan interaksi dan kerjasama antara kaum di tempat kerja, di tempat dlatam, di tempat riadah dan rekreasi, melalui penyertaan dan sumbangan dari syarikat swasta, kesatuan pekerja, persatuan penduduk, Rukun Tetangga, JKKK, RELA, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan badan sukarela. Di samping itu, dialog dan interaksi antara para pemimpin agama telah dan sedang berlangsung di kalangan mereka sendiri dan juga melalui sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh kerajaan. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan polarisasi serta memupuk keharmonian dan kepaduan masyarakat (**social cohesion**).

Adalah jelas bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi. Itulah sebab utamanya Perdana Menteri telah giat melaksanakan gagasan 1 Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan dan nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (inclusiveness) di kalangan rakyat. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (**unity in diversity**) memerlukan penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB GOBALAKRISHNAN **AIL** NAGAPAN
(PADANG SERAI)

TARIKH 03 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah siasatan isu NGO Kedah yang perlu pulangkan 30% duit bantuan kepada EXCO Kedah. Nyatakan apa yang telah dilakukan dengan duit tersebut. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap duit tersebut.

JAWAPAN : D A T O SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Serai, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan berhubung kes berkenaan isu NGO Kedah yang perlu pulangkan 30% duit bantuan kepada EXCO Kedah. Namun begitu, sebagaimana YB sedia maklum, perincian mengenai siasatan tidak boleh didedahkan kerana tertakluk kepada seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

Sekian, terima kasih.

UOZoALAtJ ^

' NO « h r 4 3

'NO-AUP -:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

DARIPADA

3 APRIL 2012

TARIKH

4516

SOALAN :
RUJUKAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] meminta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan bilangan pendatang asing yang telah diterima menjadi pemastautin tetap dan seterusnya menjadi warga negara dengan menyebut negara asal mereka dan bilangan mereka di setiap negeri sepanjang 3 tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Cheras yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, bilangan warga asing yang diberikan Taraf Pemastautin Tetap (MyPR) sehingga 29 Februari 2012 adalah seramai 225,222 orang. Manakala, sejak tahun 2009 sehingga 29 Februari 2012, seramai 21,793 pemegang Taraf Pemastautin Tetap telah ~~rdapat~~ dapat taraf kewarganegaraan Malaysia. Namun yang demikian, Jabatan Pendaftaran Negara tidak merekodkan statistik pemegang taraf pemastautin tetap yang menjadi warganegara berdasarkan negara asal termasuk bilangan mereka di setiap negeri. Walaubagaimanapun, JPN hanya mempunyai rekod bilangan mereka di setiap negeri berdasarkan negeri dimana permohonan dikemukakan.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA : Y.B. DATUKHAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH
(IGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.04.2012

Y.B. DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [IGAN] MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah Biasiswa Sime Darby berubah kuotanya berbanding 3 tahun lalu. Apakah keputusan Kerajaan menetapkan kuota penduduk yang tidak dipatuhi oleh GLC ini.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan yang mengatakan biasiswa Sime Darby Berhad berubah kuotanya berbanding 3 tahun lalu adalah tidak benar. Ini kerana walaupun Sime Darby Berhad tidak mempunyai kuota yang khusus dalam pemberian biasiswanya, pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu mengikut pecahan kaum semasa, sentiasa dipatuhi oleh Sime Darby Berhad.

Peruntukkan biasiswa Yayasan Sime Darby mengikut kaum sentiasa mengambil kira peratusan pecahan kaum seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Yayasan Sime Darby tidak berhasrat merubah pendekatan ini pada masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

D A T O ' S R I L I O W T I O N K E S I H A T A N M A L A Y S I A E R

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH 3 APRIL 2012

SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat untuk Hospital Queen Elizabeth 1 di Kota Kinabalu, dan bilakah sebuah penjana kuasa yang sesuai dipasang untuk kegunaan dalam kecemasan.

Tempat letak kereta bertingkat (*multi storey car park*) sedia ada di Hospital Queen Elizabeth 1 (HQE1) boleh menampung sebanyak 825 buah kereta. Sebanyak 478 tempat letak kereta disediakan untuk orang ramai. Ketika ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membina tempat letak kereta tambahan yang banyang bersebelahan dengan tempat letak kereta bertingkat dengan kapasiti yang boleh menampung 142 buah kereta dan akan siap pada pertengahan Mac 2012. Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mempertimbangkan bagi pembinaan 1 lagi tempat letak kereta bertingkat dalam RMK10.

Tuan Yang diPertua

Untuk kegunaan kecemasan, Hospital Queen Elizabeth mempunyai penjana elektrik tunggu sedia yang mencukupi dan mampu menampung keperluan bekalan tenaga ke semua tempat yang kritikal.

NO. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARI PAD A PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH 3 APRIL 2012

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pemberian konsesi lapangan minyak persisiran terkini (*marginal oil fields*). Nyatakan syarikat-syarikat yang telah mendapat konsesi tersebut dan keupayaan kewangan mereka.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Akta Pembangunan Petroleum (PDA) berkuat kuasa pada 1 Oktober 1974, pembangunan lapangan pesisir pantai di Malaysia hanya diberikan dalam bentuk "Production Sharing Contract (P S C) " ± € Û ã ¢ ¢ Á Û ^ ; ¢ (¢ R & ^ ¢ Á Ô [} dan bukannya dalam bentuk " konsesi " .

m e n g a n u g e r a h k a n " k o n s e s i " l a p a n g a n m i
mana pihak atau syarikat.

Baru-baru ini, PETRONAS telah melibatkan syarikat tempatan secara langsung dalam proses eksploitasi lapangan minyak dan gas negara yang bersaiz kecil (*marginal fields*), melalui RSC. Sebagai contoh

syarikat tempatan yang terlibat ialah Kencana Petroleum Berhad, SapuraCrest Petroleum Berhad dan Dialog Group Bhd. Kedudukan kewangan syarikat-syarikat ini boleh diakses di papan utama bursa saham Kuala Lumpur.

Berikut adalah jumlah milikan saham bagi kedua RSC yang dilantik:

Balai Cluster RSC:

- | | |
|---------------------------------------|-----|
| • Roc Oil Malaysia (Holdings) Sdn Bhd | 48% |
| • Dialog D & P Sdn Bhd | 32% |
| • PETRONAS Carigali Sdn Bhd | 20% |

Berantai RSC:

- | | |
|---------------------------------------|-----|
| • PETROFAC Energy Development Sdn Bhd | 50% |
| • Kencana Energy Sdn Bhd | 25% |
| • Sapura Energy Venture Bhd | 25% |

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

<u>RAKYAT PERTANYAAN</u>	LISAN
<u>DARIPADA</u>	YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2012 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. SOALAN : 52

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk projek pembinaan loji air serta bekalan air bersih bagi negeri Sabah dan apakah yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek projek yang sudah diluluskan dan diumumkan seperti projek pembinaan loji air bagi daerah Keningau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Keseluruhan (RMKe- 9) telah memperuntukkan sejumlah RM1.397 bilion bagi pelaksanaan 17 projek infrastruktur bekalan air di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.247 billion telah diluluskan bagi Program Pembinaan Loji loji Rawatan Air. Di bawah RMKe-9 juga, Kajian Kemungkinan dan Reka Bentuk Terperinci bagi pembinaan Loji Rawatan Air di Keningau telahpun dilaksanakan dengan kos berjumlah RM9.99 juta.

Memandangkan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang terhad, setakat ini belum ada lagi projek berkaitan dengan pembinaan-loji rawatan air baru diluluskan di dalam **Rolling Plan** Pertama dan Kedua di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus berusaha dengan mengemukakan kembali cadangan projek Pembinaan Loji Rawatan Air Keningau, Sabah dengan anggaran kos berjumlah RM235 juta di dalam RMKe **Rolling Plan**

Ketiga

(RP3).

SOALAN NO.

53 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

TARIKH 3 APRIL 2012

DARIPADA D A T O ' S E R I M O H A M M A D N I Z A R B I N
JAMALUDDIN
[BUKIT
GANTANG]

SOALAN :

Minta **PERDANA** **MENTERI** menyatakan senarai pengumuman pengumuman semua peruntukan yang dibuat beliau ketika melawat dan berada di Negeri Perak dalam lawatan rasminya di sepanjang 12 September, 2011 hingga 12 Mac 2012. Nyatakan secara terperinci penerimanya (seperti sekolah, jabatan, agensi Kerajaan, rumah ibadat, kaum asli dan kaum lain, NGO, dewa ~~ad~~ dewan dan lain-lain).

JAWAPAN:

Sepanjang tempoh 12 September, 2011 hingga 12 Mac 2012, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasmi ke Negeri Perak sebanyak 2 kali iaitu pada 24 September 2011 dan 14 Januari 2012

mengumumkan sebanyak **19 projek** bernilai **RM189.50 juta** Kesemua program/projek tersebut adalah untuk faedah/kegunaan/manfaat penduduk setempat. Senarai program/projek berkenaan adalah seperti berikut:

BIL	PROJEK DIUMUMKAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	TINDAKAN
-----	------------------	-------------------------------	----------

1

	Lawatan ke Gopeng, Kampar dan Batu Gajah Perak pada 24.09.2011 (Lawatan YAB Perdana Menteri)		
1	Menaiktaraf dan Membina Baru Sistem Perparitan di Kampar	1,500,000.00	JKR Perak
	Lawatan ke Parlimen Taiping, Parit Buntar, Bagan Serai dan Larut, Perak pada 14.10.2011 (Lawatan YAB Perdana Menteri)		
2	Menaiktaraf Bangunan Wisma Sri Taiping (Casual Market) Taiping	1,000,000.00	MPT
3	Pembinaan Hospital Parit Buntar	120,000,000.00	MOH
4	Pembinaan Mini Stadium Bagan Serai	2,500,000.00	SDO
5	Naiktaraf Masjid Athar, Masjid Tinggi, Bagan Serai	500,000.00	SDO
6	Tambahan Peruntukan Bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB), Kerian	50,000,000.00	NRE
7	Pembinaan Dewan Bagan Serai	4,500,000.00	SDO
8	Naiktaraf Maahad Tahfiz Islamiyah, Jalan Banjar, Masjid Tinggi, Bagan Serai	250,000.00	SDO
9	Peruntukan Tambahan Bagi Penubuhan Sebuah Muzium Etnik Banjar Di Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak	80,000.00	SDO
10	Memasang Kemudahan Hawa Dingin Di Dewan Ibnu Khaldun, SMK Abu Bakar Al-Baqir, Bagan Serai, Perak	100,000.00	SDO
11	Pembinaan Arena Square, Batu Kurau	1,250,000.00	MPT
12	Pembinaan Jambatan Sungai Siputeh, Telok Mas Selama	3,500,000.00	SDO
13	Membina Mini Stadium Di Felda Ijok	1,000,000.00	FELDA
14	Menaiktaraf Pekan Felda Ijok	2,000,000.00	FELDA
15	Membina Dewan Serbaguna Semai Bak, Felda, Ijok	800,000.00	FELDA
16	Membina Pusat Dalam Komuniti (PDK) Felda Ijok	120,000.00	FELDA
17	Naiktaraf Masjid Rancangan Felda Ijok	200,000.00	FELDA
18	Pembaikan Bangunan Gabungan Pertubuhan Wanita (GPW), Ijok	100,000.00	FELDA
19	Pembaikan Sekolah Agama Felda Ijok	100,000.00	FELDA
JUMLAH		189,500,000.00	

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

TARIKH 03 APRIL 2012

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Jawatankuasa Aduan SPRM akan mengambil ~~apa~~ tindakan terhadap Hishamuddin Hashim, Mohd. Anuar Ismail dan Mohd. Ashraf Mohd. Yunus, dan 10 pegawai SPRM yang memberikan keterangan ~~sp~~ di Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, seperti Raymond Niok anak John Timban dan Bulkini Paharuddin.

JAWAPAN : D A T O SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut ~~lap~~ laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Diraja untuk Menyiasat Kematian Teoh Beng Hock, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menubuhkan suatu Pasukan Siasatan Khas yang bertanggungjawab untuk menyiasat sekiranya wujud kesalahan atau ~~pe~~ pelanggaran oleh Pegawai ~~pe~~ pegawai SPRM yang dinamakan dalam Laporan berkenaan terhadap Peraturan ~~Peraturan~~

1

Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta SPRM] dan ~~mana~~ peraturan atau arahan dari Pengurusan Tertinggi SPRM berkaitan prosedur siasatan dan menyediakan suatu Laporan kepada Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15 Akta SPRM untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.

Hasil siasatan ~~oh~~ pasukan khas ² SPRM telah membentangkan laporan

NO SOALAN 54

siasatannya kepada Jawatankuasa Aduan dan mereka serikan kepada 54 wujud elemen pelanggaran tata tertib dan mengarahkan supaya ia dikemukakan kepada Lembaga Tata tertib SPRM. Hasil Laporan tersebut satu surat pertuduhan telah dikeluarkan terhadap penama kedua pada 23.2.2012 dan diterima oleh Pegawai tersebut pada 2 Mac 2012. Tempoh representasi ialah 21 hari dari tarikh penerimaan surat pertuduhan. Lembaga Tata tertib SPRM masih lagi mengkaji laporan terhadap penama pertama yang dikatakan terlibat dalam kes ini. Sementara penama ketiga pula, Lembaga Tata tertib mendapati Laporan Suruhanjaya tidak ada menzahirkan apa kesalahan terhadap beliau dan mengambil keputusan bahawa tiada apa tindakan yang dikenakan terhadapnya.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]

TARIKH

3 April 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada setakat ini hasil tangkapan laut kita yang dibekukan (frozen sea food) untuk pasaran eksport telah dilarang atau masih belum dibenarkan untuk masuk ke negara-negara tertentu. Sila nyatakan negara-negara itu serta sebabnya. Berapakah jumlah nilai kerugian kita akibat adanya larangan sekatan itu.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa kini, hasil tangkapan laut kita yang dibekukan (**frozen sea food**) tidak menghadapi sebarang masalah untuk pasaran eksport ke mana-mana negara. Namun, hasil tangkapan laut kita pernah tidak dibenarkan dieksport ke pasaran Kesatuan Eropah di antara tahun 2008 sehingga 2010 kerana tidak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Kesatuan Eropah. Jumlah kerugian akibat dari sekatan itu adalah dianggarkan berjumlah RM600 juta.

Walau bagaimanapun, setelah langkah-langkah penambahbaikan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pihak berkuasa Kesatuan Eropah telah membenarkan semula pengeksportan hasil tangkapan laut dari Malaysia mulai 15 Jun 2010 sehingga kini.

Bagi pasaran-pasaran ke negara-negara lain, hasil tangkapan laut kita tidak mengalami sebarang masalah dan masih boleh dieksport seperti biasa sehingga ke hari ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

JAWAB LISAN
PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
SHUKRI [BATANG SADONG]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] ta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

menyatakan apakah dasar dan kriteria yang dikenakan oleh
Kementerian dalam memutuskan untuk membina perpustakaan desa di
setiap kawasan dalam negeri bagi menggalakkan budaya membaca.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perpustakaan Desa merupakan perpustakaan yang dibina di kampung
atau penempatan kecil yang berkomposisi penduduk kurang daripada
10,000 orang di kawasan penempatan seperti di tanah rancangan
Kerajaan, penempatan Orang Asli, ladang dan kampung baru. Kriteria
pemilihan tapak Perpustakaan Desa yang ditetapkan oleh Perpustakaan
Negara Malaysia adalah:

SOALAN NO: 56

- (i) Belum ada sebarang perkhidmatan perpustakaan yang dikendalikan sama ada oleh Perpustakaan Awam Negeri, Pusat Sumber KEMAS dan FELDA di lokasi Perpustakaan Desa yang dicadangkan;
- (ii) Tanah untuk pembinaan Perpustakaan Desa adalah hak milik Kerajaan;
- (iii) Lokasi adalah bebas daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan lain-lain;
- (iv) Lokasi Perpustakaan Desa tidak terpencil dari kawasan kampung serta jauh dari kawasan yang merbahaya bagi keselamatan petugas dan bangunan Perpustakaan Desa itu sendiri;
- (v) Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) di kawasan itu bersedia bekerjasama dengan pihak Perpustakaan Negara Malaysia serta memberi kebenaran sepenuhnya untuk mewujudkan Perpustakaan Desa di kawasan tersebut;
- (vi) Terletak di kawasan luar bandar iaitu di luar bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (vii) Jarak di antara Perpustakaan Desa adalah tidak kurang daripada 5 km antara satu sama lain;
- (viii) Jumlah penduduk sekitar Perpustakaan Desa tidak kurang daripada 500 orang;
- (ix) Lokasi Perpustakaan Desa adalah senang dikunjungi oleh penduduk setempat dan berhampiran dengan rangkaian pengangkutan dan kawasan aktiviti masyarakat; dan
- (x) Keluasan minimum ruang Perpustakaan Desa adalah 1,000 kaki persegi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PAD A

LISAN
Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN
(LIPIS)

TARIKH

03.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO* DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejak memperkenalkan Dasar IMurid 1 Sukan, apakah Kementerian telah mengenal pasti potensi dan bakat di kalangan 5.1 juta pelajar sekolah untuk diketengahkan sebagai skuad pelapis ahli sukan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Konsep dalam Dasar IMurid 1 Sukan adalah untuk melibatkan seramai mungkin murid dalam program sukan sekolah. Murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan diwajibkan melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Tiada sekatan untuk murid menyertai dan melibatkan diri secara aktif lebih daripada satu jenis sukan.

Penekanan dasar ini adalah untuk melibatkan semua murid dalam sukan tanpa mengambil kira prestasi murid berkecuali. Dengan kata lain dasar ini memberi tumpuan khusus kepada murid yang kurang atau tidak aktif dalam sukan supaya sama-sama terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah.

Murid yang berketrampilan diberi peluang untuk meningkatkan potensi dan bakat mereka sama ada mewakili sekolah, daerah, negeri atau negara. Walaupun pihak sekolah memberi peluang kepada murid-murid yang cemerlang dalam sukan tetapi dasar ini tidak menyekat murid-murid yang lain dari terus bergiat dalam sukan di peringkat sekolah masing-masing.

Sehubungan dengan itu, sebanyak 831 Pusat Latihan Daerah (PLD) ditubuhkan, di Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Sekolah Sukan Malaysia (SSM). ~~Se~~ Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) diperkenalkan untuk mengenai pasti serta melatih atlet muda yang berbakat di sekolah (6 tahun) dalam jumlah yang ramai. Dengan ini, pembentukan atlet atau pasukan remaja kebangsaan akan lebih mudah dilakukan. Membangunkan atlet sekolah bermula daripada sekolah rendah hingga menengah melalui pusat latihan yang dikenalpasti. PLD berfungsi sebagai 'feeder schools' kepada SSM.

Seramai 15 ribu atlet murid dikenalpasti oleh jurujawat latihan mengikut Sukan teras SPTS yang dijalankan di peringkat sekolah dan zon melalui kem bakat SPTS di 15 negeri.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)
: LISAN

PERTANYAAN : 03.04.2012

TARIKH

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa kali 'Special Draw' atau Cabutan Khas yang telah diluluskan oleh Kementerian kepada syarikat-syarikat Number Forecast Operator (NFO) untuk tahun 2012 dan nyatakan tarikh spesifik Cabutan Khas tersebut serta jangkaan kutipan hasil yang boleh diperolehi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak **dua puluh (20) hari** cabutan khas pada tahun 2012 untuk syarikat-syarikat nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tarikh tarikh Cabutan Khas adalah berdasarkan kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, jangkaan kutipan hasil yang boleh diperolehi Kerajaan adalah dalam lingkungan RM100 juta.

NO SOALAN : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN - PERTANYAAN LISAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN

TARIKH IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] 3 APRIL 2012
SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan Laporan Ketua Audit Negara di mana banyak pihak berpendapat bahawa laporan tersebut mengelirukan dan tidak tepat khususnya tidak memberi ruang jawapan ke atas sesuatu kelemahan seperti yang dijawab atau dinyatakan oleh jabatan dan agensi yang diaudit.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan, pematuhan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) Pengauditan Prestasi (Performance Audit) dan pengauditan Syarikat Kerajaan melalui proses **engagement** antara Jabatan Audit Negara dengan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan selama lebih kurang 7 bulan, melibatkan masa yang mencukupi bagi memastikan ketepatan fakta untuk dimasukkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Ini bermakna Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan mempunyai masa lebih kurang 7 bulan untuk melakukan pembetulan/ penambahbaikan ke atas isu audit untuk dimaklumkan kepada Jabatan Audit Negara.

Engagement pertama Jabatan Audit Negara dengan pihak auditi bermula seawal tajuk pengauditan dikenal pasti dan dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan yang berkenaan melalui sesi **entrance conference** yang biasanya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif di mana taklimat mengenai tajuk ini diberikan oleh pihak auditi. Dalam **entrance conference** juga pihak Audit menjelaskan objektif, skop dan metodologi pengauditan yang akan dijalankan.

Ini disusuli dengan **field work** yang memakan masa 4 hingga 5 bulan di mana proses **engagement** dengan pihak auditi diteruskan. Jika perlu juga mendapatkan maklumat daripada pihak kontraktor, konsultan dan syarikat yang terlibat dalam sesuatu projek.

Selepas **field work**, pemerhatian audit dihantar kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi/Ketua Pegawai Eksekutif untuk diulas dalam tempoh satu bulan. Ini bermakna pihak auditi telah pun sedia maklum tentang isu audit.

Berdasarkan ulasan auditi, **exit conference** yang biasanya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan/Ketua Agensi/Ketua Pegawai Eksekutif akan diadakan. **Exit conference** ini memberi peluang kepada auditi untuk mengesahkan atau membetulkan fakta yang dikemukakan oleh auditi.

Selepas **exit conference**, Jabatan Audit Negara akan mengeluarkan surat pengesahan (confirmatory letter) kepada Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan/Ketua Agensi/Ketua Pegawai Eksekutif. **Confirmatory letter** ini adalah merupakan draf laporan yang hendak dimasukkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Pihak Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi diberi masa 2 minggu untuk membuat pengesahan. Ini merupakan satu lagi peluang kepada pihak auditi untuk membetulkan apa yang tidak tepat dalam laporan tersebut.

- Sekiranya pada masa itu, pihak auditi mencadangkan pindaan kepada Laporan Ketua Audit Negara dan pihak audit merasakan pindaan itu nasabah, pindaan ini akan diambil kira dalam laporan akhir audit.

- Laporan Ketua Audit Negara kemudiannya disebarkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat.
- Selepas diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, laporan dihantar ke Kementerian Kewangan untuk mendapatkan maklum balas daripada Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan dengan tujuan membentangkan bersekali dengan Laporan Ketua Audit Negara di Kabinet dan seterusnya di Dewan Rakyat.
- Bagi penemuan audit ke atas isu yang telah diambil tindakan pembeduan dengan mengemukakan bukti-bukti yang munasabah, ia boleh digugurkan dari Laporan Ketua Audit Negara. Bagaimanapun, tindakan yang belum dan akan diambil oleh auditi wajar dikekalkan dalam laporan berkenaan untuk pemantauan selanjutnya.
- Adalah diperhatikan, maklum balas Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan kepada Kementerian Kewangan kadangkala berbeza dengan maklum balas kepada **confirmatory letter** audit disebabkan perbezaan masa (lebih kurang 2 bulan).

Adalah menjadi amalan biasa, Jabatan Audit Negara memuatkan maklumat pembeduan yang telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan dalam laporan tersebut. Ini selari dengan konsep Laporan Audit Seimbang (Balanced Report). Oleh itu, tidak timbul isu Laporan Ketua Audit Negara tidak tepat dan mengkelirukan. Perlulah Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Maklum balas Kementerian Kewangan dibaca secara menyeluruh sebelum memberi ulasan sedemikian.

PERTANYAAN -PERTANYAAN
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE -12, 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan PERTANYAAN LISAN

Daripada Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit]

3 April 2012 (Selasa)

Tarikh Menjawab
No. 60

Soalan

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN
KOMODITI menyatakan langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan
industri penanaman kenaf di negara ini memandangkan pengusaha
ladang dan estet lebih berminat untuk mengusahakan tanaman yang
lebih menguntungkan seperti kelapa sawit.

CADANGAN JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Selain daripada komoditi kelapa sawit, getah, produk kayu kayan, koko dan lada, Kementerian turut menggalakkan tanaman baru yang berpotensi seperti kenaf.

Tanaman kenaf diusahakan sebagai salah satu tanaman alternatif kepada tanaman tembakau. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menggalakkan tanaman kenaf dengan memastikan industri kenaf Negara dapat berdaya saing dengan komoditi lain termasuk:

- (i) kerjasama dengan institusi penyelidikan kenaf seperti **Fujian Agriculture Forestry University** (FAFU), China untuk membangunkan dan meningkatkan produktiviti tanaman kenaf;
- (ii) meluaskan kawasan tanaman ke seluruh negara dan tidak hanya bertumpu pada kawasan tanah BRIS sahaja;
- (iii) memberikan bantuan input pertanian seperti biji benih, baja, racun perosak dan lain-lain lagi;
- (iv) membangunkan perkhidmatan mekanisasi untuk aktiviti penanaman, penuaian dan pemprosesan;
- (v) mewujudkan jaminan pasaran bagi kenaf;
- (vi) mengadakan kerjasama dengan institusi penyelidikan

- tempatan dan luar negara untuk menambahbaik pembangunan kenaf;
- (vii) mengenalpasti teknologi teknologi yang boleh diadaptasi dan digunakan bagi pelaksanaan aktiviti penuaian dan pemprosesan yang lebih efisien; dan
 - (viii) membangunkan *Raw Material Collection Center* (RMCC) dan *Collection, Processing and Marketing Center* (CPMC) di sekitar kawasan penanam untuk menarik minat penanam menceburi bidang pemprosesan bagi menambahkan sumber pendapatan.

Selain itu, Kementerian juga akan bekerjasama dengan para pengeluar produk siap berasaskan kenaf bagi memperkukuhkan permintaan kenaf. Langkah ini dalam jangka masa panjang akan menyediakan pasaran bagi bahan mentah berasaskan kenaf.

Amalan atau trend bagi kebanyakan syarikat perkapalan besar membentuk usahasama dengan syarikat perkapalan lain untuk memperluaskan jaringan supaya laluan perkhidmatan perkapalan dan pasaran perdagangan. Melalui mekanisme ini, kargo dapat dihantar ke destinasi dengan lebih cekap dan kos efektif.

SOALAN NO : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARI PAD A : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]
TARIKH : 3 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah cadangan Kerajaan Persekutuan untuk memberangsangkan ekonomi dan apakah pendekatan untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk memberangsangkan ekonomi sepertimana yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012. Di bawah fokus pertama Bajet 2012, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut untuk meligatkan pelaburan:

- 1) Liberalisasi 17 subsektor perkhidmatan bagi membolehkan pegangan ekuiti asing sehingga 100 peratus dalam subsektor terpilih;
- 2) Pelaksanaan **Rolling Plan** Kedua di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bertumpu kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan menyumbang kepada ekonomi negara;
- 3) Merancang pembangunan di lima wilayah koridor;
- 4) Merancang industri perbankan, kewangan dan pasaran modal;
- 5) Mempergiat pasaran modal dan kewangan Islam;
- 6) Penyenaraian FELDA **Global Venture Holdings**;
- 7) Menggalakkan perkembangan industri amanah pelaburan hartanah (REITS);
- 8) Mempergiat aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- 9) Mengembangkan perniagaan francais tempatan;
- 10) Menggalakkan sektor pelancongan; dan
- 11) Mengkaji semula kadar cukai keuntungan harta tanah (RPGT).

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin kepada kehendak rakyat, langkah lain di dalam Bajet 2012 turut memberi tumpuan untuk meredakan inflasi dan mengimarah kehidupan rakyat, mengungguli modal insan dan pembangunan luar bandar yang menyeluruh.

Tuan Yang diPertua,

Berkenaan dengan pendekatan yang diambil untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi, Kerajaan telahpun merangka pendekatan secara holistik, dengan memberikan tumpuan kepada aspek kualiti hidup berasaskan pendapatan per kapita rakyat antara US\$15,000 hingga

US\$20,000; keterangkuman yang membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara sepenuhnya; dan kemampuan dengan memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang sepertimana yang telah termaktub di dalam Model Baru Ekonomi (MBE). Di samping itu, Kerajaan turut memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) untuk menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan ke arah mencapai sasaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya semua langkah dan strategi bagi menggerakkan ETP dan GTP telah diterjemah dan disertakan dalam RMK10. Menerusi RMK10, sebanyak 85 inisiatif telahpun dikenalpasti untuk memastikan kesemua langkah dan strategi yang dinyatakan dalam RMK10 dapat dicapai. Ke arah ini, setiap inisiatif telah disediakan pelan tindakan serta, dengan ~~key~~ **key milestones** dan kementerian/agensi yang bertanggungjawab untuk pelaksanaannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Justeru, Kerajaan percaya dengan langkah dan pendekatan ini, Malaysia mampu mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT JAWAPAN OLEH H Y . B . D A T O ' S R I L I O W
TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN

MALAYSIA PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : D A T O ' S R I I B R N . M O M A M M E D Z I N

[SEPANG]

TARIKH : 03 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin mBtanMENERI h a me d
KESIHATAN menyatakan langkahpenguatkuasaan yang telah diambil terhadap kantin sekolah yang didapati masih menjual 15 makanan diproses yang dilarang sebagaimana mengikut Garis Panduan Pemakanan Sihat di sekolah bagi menangani masalah obesiti (kegemukan) dan diabetes dalam kalangan pelajar.

Tuan Yang Di-Pertua

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang begitu prihatin terhadap penjualan makanan di kantin sekolah dan kesannya terhadap status pemakanan murid-murid sekolah khususnya.

Terlebih dahulu, saya ingin menjelaskan tentang kekeliruan terhadap kategori penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah. Berdasarkan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat, terdapat lima jenis makanan dan minuman yang dilarang iaitu makanan dan minuman yang melanggar Peraturan Peraturan Makanan 1985, gula dan coklat, jenis-jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, makanan ringan serta makanan dan minuman yang mengandungi alkohol. Manakala, makanan yang diproses seperti **burger**, **sosej** dan **nugget** adalah termasuk di bawah kategori makanan yang tidak digalakkan dijual.

Tuan Yang Di-Pertua

Pelaksanaan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat tidak melibatkan sebarang tindakan penguatkuasaan perundangan tetapi hanya melibatkan tindakan secara pentadbiran oleh pihak sekolah. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mempunyai sebarang perundangan khusus atau Akta di dalam mengawal penjualan makanan di kantin sekolah melainkan makanan dan minuman yang melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Walau bagaimanapun, tindakan pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan pengusaha kantin mematuhi panduan ini.

Tuan Yang Di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah bersetuju bagi melaksanakan pemantauan terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah. Pegawai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia akan menjalankan pemantauan secara berkala, manakala, pemantauan secara sendiri akan dijalankan oleh pihak pengusaha kantin dan juga pihak pengurusan sekolah.

Melalui pemantauan tersebut, sistem *de-merit* akan dilaksanakan iaitu pihak pengusaha kantin yang didapati menjual makanan dan minuman yang dilarang akan ditolak markah. Pihak pengusaha juga akan diberi nasihat yang berkaitan serta latihan katering sihat yang menumpukan kepada cara penyediaan dan penghidangan makanan yang sihat di kantin sekolah. Pihak pengurusan sekolah juga akan dimaklumkan supaya

dapat bersama sama memantau dan menasihati pihak pengusaha kantin. Sekiranya pihak pengusaha kantin masih tidak mematuhi garis panduan tersebut, tindakan secara pentadbiran akan diambil oleh pihak sekolah seperti penamatan tender kantin.

Item	Kos Sebenar (RM)
Penginapan	6,430
Pengangkutan dan perkhidmatan	6,708
Makanan	1,202
JUMLAH KOS	14,340

Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran haji bagi Jemaah Haji melalui kaedah Muassasah yang mengerjakan haji bagi kali pertama musim 1432H adalah kekal pada kadar RM5,980 dan sebanyak RM4,360 adalah jumlah yang ditanggung keatas setiap jemaah sebagai CSR (Coorate Social Responsibility) Lembaga Tabung Haii. Manakala bagi Jemaah Haji yang munaikan haji bagi kali kedua melalui kaedah Muassasah, kos sebenar ialah RM14,340 akan dikenakan kepada Jemaah Haji tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan keupayaan liputan 3G oleh syarikat telekomunikasi di kawasan luar bandar yang mengalami masalah kegagalan jalur lebar akibat kecurian kabel talian kekal yang berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2011, liputan perkhidmatan 3G di seluruh negara mencecah 82% kawasan berpenduduk. Liputan perkhidmatan 3G akan diperluaskan ke kawasan luar bandar dengan penambahan menara telekomunikasi di bawah skim Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Sejumlah 1000 menara akan dibina sehingga akhir 2012 dan ini akan meningkatkan liputan perkhidmatan selular sehingga 97% di kawasan

SOALAN NO: 66

berpenduduk. Menara-menara baru ini disyaratkan supaya dilengkapi dengan pemancar sistem 3G. Selain itu, Kerajaan juga akan menaik taraf rangkaian teras berasaskan fiber di kawasan luar bandar dan pedalaman di bawah peruntukan RM10 pada tahun ini.

Dalam meningkatkan keupayaan 3G di kawasan luar bandar yang mengalami masalah kegagalan jalur lebar akibat kecurian kabel, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat syarikat telekomunikasi telah bekerjasama dengan pihak polis melalui Ops Lusuh yang bertujuan untuk mengurangkan kegiatan kecurian kabel tembaga yang berleluasa. Sejumlah 41 operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2011 di seluruh negara. Daripada operasi tersebut, tiga (3) tangkapan telah dilakukan untuk membanteras gejala ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MANOGARAN **AIL** MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH 3 APRIL 2012

RUJUKAN 4517

SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] Menteri Dalam
NEGERI menyatakan:

NO. SOALAN : 87

- (a) apakah tindakan atau langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membanteras kegiatan jenayah di kalangan kaum India; dan
- (b) adakah Kerajaan melakukan kajian mengenai punca masalah gangsterisme yang begitu ketara di kalangan remaja kaum India.

JAWAPAN :

Tuan Yang diPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Teluk Intan yang telah mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab soalan (a), antara langkah-langkah yang diambil oleh PDRM bagi membanteras kegiatan jenayah di kalangan kaum India adalah seperti berikut:

- (i) Tangkapan yang berterusan terhadap kumpulan haram (**gangster**) yang terlibat dalam jenayah ~~keras~~ berdasarkan laporan polis yang dikemukakan serta menuduh mereka di mahkamah;
- (ii) Membuat pemeriksaan / operasi yang lebih kerap terhadap sasaran kumpulan Kongsy Gelap di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti; dan
- (iii) Memupuk kerjasama dengan persatuan-persatuan kaum India dan NGO untuk mengadakan bengkel-bengkel / seminar, ceramah kesedaran kepada keluarga dari kaum India agar membuat pemantauan dan kawal selia pergerakan ahli keluarga mereka agar tidak terlibat dalam jenayah.

Tuan Yang diPertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, berdasarkan kajian yang dilakukan, penglibatan dan permasalahan **gangsterisme** yang begitu ketara di kalangan remaja kaum India berkemungkinan besar berpunca daripada perkara-perkara seperti kurang mendapat perhatian dan pemantauan

daripada ibubapa serta ahli keluarga, pengaruh rakan-rakan yang terlibat dalam kegiatan samseng dan jenayah, pengaruh filem berunsur keganasan serta balas dendam dan kurang perhatian dan bantuan sewajarnya daripada pihak persatuan, NGO dan ketua masyarakat tempatan.

NO SOALAN : 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	LISAN
PERTANYAAN :	YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU)
DARIPADA	
TARIKH	03.04.2012 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah objektif penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 9 tahun lalu, yang untuk meningkatkan jati diri dan sifat nasionalisme dalam kalangan belia tercapaiDan apakah tindakan yang diambil bagi belia yang tidak melapor diri untuk program tersebut dan berapa ramaikah yang telah dihukum kerana ingkar.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu usaha murni Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, memupuk perpaduan kaum, mewujudkan semangat kesukarelaan dan melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai-nilai murni, berkepimpinan dan berkeyakinan diri. Kesemua nilai-nilai yang ditetapkan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan jati diri dan sifat nasionalisma di kalangan remaja. Ini dilaksanakan dengan kaedah pendekatan latihan melalui modul yang dinamik dan berbentuk motivasi secara berterusan dan konsisten selama 3 bulan mereka berada di kem. Ini diperkuatkan lagi melalui pembelajaran secara interaktif berbentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan menggalakkan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan perasaan terhadap sesuatu isu seperti kenegaraan dan perpaduan.

Berhubung dengan pencapaian PLKN, selepas 8 tahun pelaksanaannya, sukacita dimaklumkan bahawa satu kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertujuan untuk menilai pencapaian dan keberkesanan PLKN. Hasil kajian telah menunjukkan 80% daripada 61,950 orang responden memberi maklumbalas yang positif dalam aspek memupuk semangat

patriotisma, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan, perwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri.

Tuan Yang DiPertua,

Berkenaan tindakan yang diambil terhadap belia yang tidak melapor diri untuk program ini, perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa PLKN dilaksanakan berpandukan peruntukan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (pindaan 2009). Sehubungan itu, segala prosedur atau tindakan yang diambil terhadap belia yang tidak melapor diri untuk PLKN haruslah berlandaskan Akta yang sama dan Aktaakta lain yang berkuatkuasa bersama Akta Latihan Khidmat Negara tersebut.

Mengikut prosedur, manamana belia yang tidak melapor diri untuk PLKN dan tidak juga memohon penangguhan atau pengecualian dalam tempoh yang ditetapkan, nama mereka akan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan. Pihak PDRM akan menyiasat dakwaan ketidakhadiran Pelatih Ingkar tersebut dan hasil siasatan akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan susulan.

Mengikut peruntukan asal Akta Latihan Khidmat Negara 2003, manamana pelatih yang disabitkan kesalahan ingkar menghadiri PLKN, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi

tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Namun begitu, atas dasar keprihatinan Kerajaan terhadap golongan remaja yang melakukan kesalahan ini, maka pindaan terhadap Akta telah dibuat. Melalui pindaan tersebut, kesalahan tidak menghadiri PLKN akan dikenakan hukuman Khidmat Masyarakat tidak melebihi 240 jam. Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk mendidik generasi muda dan bukannya menghukum.

Sehingga kini, rekod Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) menunjukkan hanya lima (5) kes yang disabitkan kesalahan ingkar menghadiri PLKN manakala kebanyakan kes yang lain telah diputuskan agar pesalah tersebut dipanggil menghadiri semula PLKN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH

3 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berhasrat untuk mengisytiharkan harta Jemaah Menteri seperti mana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang; dan
- (b) apakah faktor yang menyebabkan Kerajaan sukar untuk mengisytiharkan harta Jemaah Menteri.

Tuan Yang Di Pertua,
JAWAPAN.

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada YAB Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**).

Pada 27 Febuari yang lalu YAB Perdana Menteri telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan **liability** dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS,
TAHUN 2012
DEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK TIONG THAI KING
(LANANG)

TARIKH : 3 APRIL 2012

SOALAN : 70

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

menyatakan bilakah Kerajaan akan menyediakan bekalan air kepada seluruh rumah panjang di luar bandar kawasan Parlimen P.211 Lanang memandangkan air sungai telah tercemar akibat penerokaan tanah untuk penanaman kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan yang ePertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM1.3 billion telah diperuntukkan bagi program BALB Negeri Sarawak di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Peruntukan yang diluluskan ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada 89,903 buah rumah.

Bagi Parlimen Lanang, sebanyak 9 buah projek BALB telah dan sedang dilaksanakan di bawah NKRA dengan kos sebanyak RM52.65 juta.

Kesemua projek ini dijangka akan siap sepenuhnya sebelum penghujung tahun 2012.

Sehubungan itu, bagi memastikan semua rumah panjang di Sarawak termasuk di Parlimen Lanang dapat menikmati bekalan paip, Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah dan pelaksanaan projek tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM).